



PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2010

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan  
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian-Kementerian

15 MAC 2010 HINGGA 22 APRIL 2010



SOALAN NO: 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

SOALAN:

Y.B. Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) jenis penyeles
- (b) aian oleh pihak Kementerian ke atas nasib para pekerja dari Malaysia Timur yang diberhentikan kerja di Semenanjung; dan
- (c) apakah pihak Kementerian akan menyediakan tempat perlindungan sementara bagi mereka ini seperti yang disediakan oleh NGO A.H.O.D (Kechara Soup Kitchen Society) Bukit Nanas.

PR-1231-T35121

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersedia membantu semua pekerja termasuk pekerja daripada Malaysia Timur yang diberhentikan kerja untuk mendapatkan pampasan dan mendapatkan pekerjaan baru. Untuk memastikan pekerja yang diberhentikan mendapatkan pampasan, KSM telah mewajibkan semua majikan yang bercadang untuk memberhentikan pekerja dikehendaki melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Mana-mana pekerja yang dinafikan hak mereka diminta untuk

memfaikan tuntutan kes mereka di Pejabat Tenaga Kerja yang berdekatan. Bagi pekerja-pekerja dari Sabah dan Sarawak yang telah pulang ke negeri asal, mereka masih boleh memfaikan tuntutan terhadap bekas majikan di Jabatan Tenaga Kerja yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

Pekerja-pekerja yang diberhentikan, KSM menggalakkan supaya mereka mendaftar sebagai pencari kerja dalam portal JobsMalaysia atau pergi ke Pejabat Tenaga Kerja atau ke JobsMalaysia Center (JMC). Mereka juga boleh berjumpa dengan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan semasa Kementerian Sumber Manusia mengadakan program penempatan pekerjaan (Program 3P).

Tuan Yang Di Pertua,

(b) KSM tidak bercadang untuk menyediakan tempat perlindungan sementara seperti yang disediakan oleh NGO A.H.O.D (Kechara Soup Kitchen Society) Bukit Nanas.

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIFADA :** DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
**SOALAN NO :** 2

**SOALAN:**

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- (a) sejauh manakah keberkesanannya program penghantaran balik pendatang tanpa izin di Sabah; dan
- (b) jumlah yang telah dihantar balik mengikut negara asal mereka sejak lima tahun yang lalu.

**JAWAPAN:**

a) Untuk makluman Yang Berhormat, program penghantaran balik PATI di Negeri Sabah berjalan dengan lancar dan berterusan. Sejak tahun 1990-April 2010, Kerajaan telah menghantar balik seramai 330,991 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Negeri Sabah ke negara asal masing-masing. Tindakan penghantaran balik PATI yang berterusan ini telah menunjukkan kesan yang positif terhadap usaha Kerajaan membendung kemasukan haram PATI di mana sejak tahun 2009 sehingga sekarang jumlah PATI yang ditangkap dan dihantar balik telah berkurangan.

b)

**STATISTIK PENGUSIRAN  
PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)  
SEHINGGA 06 APRIL 2010**

| Tahun  | Warganegara |           |           | Jumlah |
|--------|-------------|-----------|-----------|--------|
|        | FILIPINA    | INDONESIA | LAIN-LAIN |        |
| 2005   | 7,051       | 9,858     | 520       | 11,429 |
| 2006   | 11,092      | 5,422     | 558       | 17,083 |
| 2007   | 11,784      | 6,495     | 428       | 18,707 |
| 2008   | 13,625      | 5,278     | 258       | 19,151 |
| 2009   | 8,510       | 2,810     | 288       | 11,608 |
| 2010   | 2,862       | 738       | 31        | 3,631  |
| Jumlah | 54,924      | 30,601    | 2,083     | 81,609 |

**SOALAN NO: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sebab-sebab Kerajaan tidak menyalurkan dana bantuan bagi rumah ibadat bukan Islam, selaras dengan slogan 1Malaysia di mana rakyat disarankan untuk mencintai dan menghayati perpaduan negara; dan
- (b) sekiranya ada, berapa jumlah setahun dana tersebut diberikan dan pecahan mengikut institusi keagamaan masing-masing.

**JAWAPAN:**

- (a) Kerajaan amat prihatin mengenai keperluan peruntukan bagi rumah ibadat bukan Islam. Kerajaan memberi bantuan bagi rumah ibadat bukan Islam setiap tahun mengikut kemampuan kewangan sedia ada.
- (b) Jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dari tahun 2006 hingga 2010 ialah seperti berikut:

| <b>TAHUN</b>  | <b>TOKONG/WAT SIAM/<br/>GEREJA</b> | <b>KUIL HINDU/ SIKH DLL</b> |
|---------------|------------------------------------|-----------------------------|
| 2006          | 1.0 juta                           | 1.0 juta                    |
| 2007          | 1.72 juta                          | 1.45 juta                   |
| 2008          | 1.71 juta                          | 2.16 juta                   |
| 2009          | 4.27 juta                          | 2.16 juta                   |
| 2010          | 2.48 juta                          | 1.66 juta                   |
| <b>JUMLAH</b> | <b>11.18 juta</b>                  | <b>8.43 juta</b>            |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

Peranyaan : **PERTANYAAN BUKAN LISAN**  
Daripada : Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]  
Soalan : [ No. 4 ]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan jenis-jenis program dan bantuan diberikan kepada para penanam tembakau di negeri Sabah dalam usaha untuk meningkatkan lagi ekonomi mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri tembakau Burley di Sabah adalah dibangunkan oleh syarikat pengilang rokok iaitu *British American Tobacco (BAT)*, *Japan Tobacco International (JTI)* dan *Philip Morris Malaysia (PMM)*. Lembaga Tembakau Negara (LTN) tidak terlibat secara langsung dalam memberi bantuan kepada penanam tembakau Burley tersebut kerana pengilang-pengilang tersebut menjalankan aktiviti pembangunan dengan menggunakan peruntukan dari syarikat masing-masing. LTN hanya berperanan mengeluarkan lesen kepada pengilang-pengilang dan menjalankan pengawasan serta pemantauan ke atas pengilang yang terlibat.

Bagi tahun 2010, hanya syarikat JTI masih menjalankan aktiviti *contract farming* penanaman tembakau Burley melibatkan 214 keluarga dengan keluasan 300 hektar di daerah Keningau, Sabah. Jumlah hasil tembakau Burley yang dijangka dihasilkan adalah sebanyak 300,000 kilogram setahun. Walau pun tidak terlibat secara langsung, LTN akan terus menjalankan aktiviti pengawasan dan pemantauan terhadap penanaman tembakau berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH

**SOALAN:**

Y.B. Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan jenis-jenis projek yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan di Koridor Pembangunan Sabah sejak ia dilancarkan.

**JAWAPAN:**

Di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC), sejumlah 54 projek dicadang untuk dilaksanakan terdiri dari 34 projek fizikal dan 20 kajian yang sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pelaksanaan program dan projek SDC adalah dalam bidang utama penggerak ekonomi merangkumi sektor pelancongan, pertanian, pembuatan, infrastruktur dan modal insan. Program dan projek SDC ini juga berpaksikan kepada prinsip utama yang akan memandu pembangunan di Sabah untuk memenuhi keperluan menguasai aktiviti ekonomi, bernilai tinggi, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang seimbang dan memastikan pertumbuhan mapan melalui pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Antara projek fizikal yang telah disiapkan adalah penyediaan infrastruktur bagi projek Pembangunan Pusat Hub Repositori Maklumat Koleksi Budaya dan Saintifik Muzium Sabah.

Antara projek-projek infrastruktur utama yang sedang dijalankan adalah seperti berikut;

- i. Projek Khas Tanam Baru dengan Getah di Kawasan Termundur di Semenanjung Bengkoka, Pitas;
- ii. Kelompok Industri Minyak Sawit (POIC) Lahad Datu dan Sandakan;
- iii. Pusat Hab Pendidikan Sandakan;
- iv. Pembinaan Jalan-jalan Pertanian Di Beberapa Daerah; dan
- v. Projek Agropolitan Pitas, Kota Belud dan Kemabong

Antara projek-projek infrastrukur utama yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut;

- i. Menaiktaraf Kawasan Persekutaran Pusat Bandaraya Kota Kinabalu;
- ii. Naik Taraf Lapangan Terbang Sandakan;
- iii. Pusat Penternakan Bersepadu Keningau;
- iv. Projek Agropolitan Beluran dan Tongod; dan
- v. Pembinaan Jalan Dua Hala dari UiTM ke Terminal Kontena, Teluk Sepanggar

Bagi kajian, sejumlah 19 kajian sedang dilaksanakan dalam pelbagai peringkat seperti peringkat penyediaan Laporan Interim dan Deraf Laporan Akhir.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR  
BIN HAJI SALLEH**

**SOALAN**

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan selanjutnya pihak Kerajaan terhadap seorang artis Negara jiran bernama Manohara yang telah didapati bersalah dan dikenakan berbagai hukuman oleh sebuah mahkamah Negara ini agar beliau menjalani hukuman dikenakan ke atas beliau.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

Tuan yang di-Pertua,

1. Terdapat beberapa perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah di Negara ini terhadap Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot dan ibunya Daisy Fajarina masing-masing daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu.
2. Perintah pertama merupakan suatu perintah penghakiman ingkar yang telah dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 5 November 2009 kepada Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot dan ibunya bagi satu saman fitnah

oleh YAM Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Muhammad Fakhry Petra Sultan Ismail Petra.

3. Perintah kedua merupakan suatu perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu supaya Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot kembali ke sisi suaminya Tengku Temenggong Kelantan, Tengku Muhammad Fakhry Sultan Ismail Petra dalam masa 14 hari setelah beliau melarikan diri pulang ke Jakarta, Indonesia. Mahkamah tersebut juga telah mengeluarkan perintah supaya Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot membayar sejumlah wang melebihi RM1 juta kepada suaminya dalam masa 30 hari. Kedua-dua perintah ini berkuat kuasa pada 3 Januari 2010.

4. Kesemua perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu ini merupakan kes peribadi yang hanya melibatkan pihak-pihak yang berkenaan dan tidak melibatkan pihak Kerajaan Malaysia secara langsung. Sehubungan dengan itu, apa-apa penyerahan dokumen bagi sesuatu perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Mahkamah Tinggi Syariah Kota Baru adalah tertakluk kepada bidang kuasa undang-undang yang terpakai bagi pelaksanaan penyampaian proses mahkamah tersebut.

5. Bagi perintah penghakiman ingkar yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, terdapat beberapa peruntukan undang-undang berkaitan dengan proses penyampaian dokumen ke luar negara yang boleh digunakan seperti Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [P.U (A) 50/1980], Akta Penguatkuasaan

Penghakiman Bersaling 1958 [Akta 99] dan Akta (Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971 [Akta 25].

6. Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terpakai secara khusus bagi perkara yang melibatkan tatacara kes-kes sivil. Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terpakai bagi pelaksanaan proses yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot dan ibunya yang berada di Indonesia kerana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mengeluarkan perintah itu merupakan suatu mahkamah sivil. Lazimnya penyerahan notis atau writ ke luar wilayah Malaysia dibuat di bawah Aturan 11 Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang memperuntukkan bahawa penyampaian notis atau writ itu boleh dilaksanakan di mana-mana negara melalui pihak berkuasa kehakiman (*judicial authorities*), pihak berkuasa Konsular Malaysia atau melalui Kerajaan negara itu. Pendaftar hendaklah menghantar dokumen yang berkenaan kepada Ketua Setiausaha Hal Ehwal Luar dengan permintaan supaya beliau menguruskan penyampaian dokumen itu mengikut cara-cara yang ditetapkan.

7. Akta Pengukuasaan Penghakiman Bersaling 1958 [Akta 99] pula membolehkan penyerahan sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh Mahkamah di Negara ini dilakukan dengan syarat Negara di mana penyerahan dokumen tersebut hendak dilakukan merupakan Negara yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta 99 sebagai Negara Salingan (*Reciprocating Countries*). Setakat ini Negara-Negara yang tersenarai dalam Jadual tersebut ialah United Kingdom, Hong Kong, Singapura, New Zealand, Sri Lanka, India dan Brunei Darussalam.

Memandangkan Indonesia bukanlah suatu Negara Salingan sebagaimana yang terdapat dalam Jadual Pertama Akta 99, maka peruntukan Akta 99 ini tidak boleh terpakai bagi melaksanakan penyampaian perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kepada Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot dan ibunya yang sekarang berada di Indonesia.

8. Pemakaian Akta (Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971 [Akta 25] ada menyebut mengenai perkiraan bersaling (*reciprocal arrangements*) berhubung dengan penyerahan saman, sepina atau waran tertentu, namun pemakaian Akta 25 tersebut hanyalah terhad di antara negara Malaysia, Singapura dan Brunei sahaja yang merujuk kepada bidang kuasa sistem sivil sahaja tanpa melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dengan itu, Akta ini juga tidak terpakai bagi pelaksanaan perintah kepada Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot dan ibunya yang berada di Indonesia

9. Mengenai perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu pula, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Kelantan) 2002 yang terpakai bagi perkara ini tidak mempunyai peruntukan bagi pelaksanaan penyampaian apa-apa proses mahkamah seperti perintah, waran tangkap, sepina atau saman terhadap defendant yang menetap di luar negara. Sehubungan dengan itu, perintah tersebut tidak dapat disampaikan kepada Cik Puan Temenggong Manohara Odelia Pinot yang sekarang berada di Indonesia.

10. Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tidak terpakai bagi perkara yang melibatkan tatacara kes-kes di bawah perundangan

Syariah. Ini ialah kerana tafsiran "Mahkamah" di bawah Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 386] merujuk kepada Mahkamah yang berada di bawah bidang kuasa sistem perundangan sivil sahaja dan tidak termasuk Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI ABDUL GHAPUR BIN HAJI**  
**SALLEH [KALABAHKAN]**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapa ramaikah pesakit di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu yang sedang menunggu giliran untuk menjalani pembedahan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sebagai sebuah hospital negeri sememangnya ramai pesakit yang mendapatkan rawatan dari Hospital Queen Elizabeth. Jumlah pesakit yang menunggu giliran untuk menjalani pembedahan mengikut disiplin pembedahan utama sehingga 15 Mac 2010 adalah seperti berikut iaitu 600 orang bagi Pembedahan Am, 300 orang bagi Ortopedik (pembedahan tulang), 220 bagi Oftalmologi (pembedahan mata) dan 312 bagi Otorinolaringologi (pembedahan telinga, hidung dan tekak).

Maklumat ini menunjukkan Hospital Queen Elizabeth berada dalam julat yang sama berbanding dengan hospital-hospital negeri yang lain dari segi pencapaian giliran pembedahan dan jumlah pembedahan yang dilakukan dalam sehari dan setahun.

No : 8

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI  
SALLEH ( KALABAKAN )

**NO.SOALAN :** 08

**DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH ( KALABAKAN )**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN**

**KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian sedar negeri Sabah sedang dibanjiri dan tertipu oleh produk tidak berkualiti langsung dari negara China; dan
- (b) keadaan ini lambat laun akan mencabar, menyusahkan dan merugikan pengusaha kecil dan sederhana negara ini kerana tidak mampu bersaing. Justeru itu, apakah langkah diambil untuk mengatasi perkara tersebut.

### JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Sejak kebelakangan ini, kebanjiran produk tidak berkualiti dari Negara China bukan sahaja tertumpu di Sabah, bahkan melibatkan seluruh dunia. Fenomena ini berlaku kerana produk dari Negara China mempunyai permintaan yang tinggi kerana harga yang ditawarkan adalah murah dan reka bentuk yang menarik,

maka tidak halalnah produk-produk dari Negara China menjadi pilihan orang ramai terutama golongan yang berpendapatan rendah.

(b) Beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini.

Diantaranya adalah seperti berikut:

- i. Menetapkan standard tertentu untuk memastikan produk berkenaan berkualiti dan selamat digunakan. Contohnya Kementerian telah mewujudkan Peraturan Keselamatan Permainan Kanak-Kanak di bawah Akta Pelindungan Pengguna 1999 yang akan dikuatkuasakan pada Julai 2010 untuk memastikan permainan kanak-kanak yang dipasarkan menepati standard keselamatan yang ditetapkan;
- ii. Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan/Agensi Kerajaan lain seperti Jabatan Standard, Suruhanjaya Tenaga dan SIRIM untuk melaksanakan operasi bersama bagi memastikan produk-produk yang ada di pasaran menepati standard yang ditetapkan;
- iii. Bagi produk-produk tiruan, Kementerian telah bertindak secara pro-aktif bagi melaksanakan operasi membanteras aktiviti pengedaran dan penjualan produk berkenaan. Bagi negeri Sabah, pada tahun 2009, sebanyak 23 kes telah dihasilkan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 yang melibatkan rampasan barang tiruan bernilai RM95,582.80. Pada tahun 2010, sehingga Februari, sebanyak 3 kes telah dihasilkan yang melibatkan nilai rampasan RM15,758.60; dan
- iv. Kementerian juga bekerjasama dengan pemilik cap dagang berdaftar (trademark owner) dan pemegang Perintah Perihal Dagangan (Trade Descriptions Order) bagi mengambil tindakan bersama membanteras aktiviti pengedaran dan penjualan barang tiruan.

Walaupun Kementerian melaksanakan pelbagai usaha untuk membendung kebanjiran produk tidak berkualiti dan tidak selamat di pasaran, namun pengguna sendiri perlu sedar akan hak mereka untuk membuat pilihan yang bijak sebelum membeli sesuatu barang atau produk. Kementerian mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk melaporkan aduan-aduan berhubung barang-barang yang tidak berkualiti dan tidak selamat bagi melindungi hak mereka sebagai pengguna.

SOALAN NO : 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

|            |   |  |
|------------|---|--|
| PERTANYAAN | : | BERTULIS   |
| DARIPADA   | : | DATUK SERI PANGLIMA ABDUL<br>GHAPUR BIN HAJI SALLEH<br>[KALABAカン]  |
| SOALAN     | : | DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH<br>[KALABAカン] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan<br>bilakah Kementerian akan menaik taraf dan menurap jalan gravel<br>antara Kalabakan dan Sapulut di Sabah. |

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya jalan Kalabakan ke Sapulut pada masa ini masih pada tahap jalan batu kelikir (*gravel*). Kementerian Kerja Raya telah pun memohon dalam RMKe-10 untuk menurap jalan tersebut sepanjang 145 kilometer dengan anggaran kos RM200 juta.

Kementerian Kerja Raya difahamkan bahawa jalan tersebut masih aktif digunakan oleh lori-lori balak yang melebihi muatan. Bagi membolehkan jalan tersebut dinaiktaraf dan diturap, maka Kerajaan Negeri Sabah perlu mengisytiharkan jalan tersebut sebagai Jalan Awam, khususnya bahagian jalan yang melalui Hutan Simpan Negeri Sabah. Pewartaan Jalan Awam ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan untuk menguatkuasakan had muatan lori-lori balak yang menggunakan jalan tersebut. Dengan ini, apabila jalan tersebut diturap maka tidak akan berlaku kerosakan yang teruk ke atas jalan tersebut.

NO. ALIM : 1K/10

NO. ALIP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** 2493

**SOALAN:**

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kes kemalangan membabitkan bas ekspres mengikut negeri pada tahun 2007, 2008, dan 2009.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Libaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes kemalangan yang membabitkan bas ekspres di seluruh negara adalah sebanyak **2,089** kes pada tahun 2007, **1,725** kes pada tahun 2008 dan meningkat kepada **2,354** kes tahun 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2007, negeri yang mencatatkan kemalangan membabitkan bas ekspres tertinggi ialah Johor iaitu sebanyak **366** kes, diikuti Perak sebanyak **350** kes, Selangor sebanyak **300** kes, Kuala Lumpur sebanyak **288** kes, Negeri Sembilan sebanyak **160** kes, Pulau Pinang dan Pahang sebanyak **141** kes, Melaka sebanyak **93** kes, Kedah sebanyak **84** kes, Sabah sebanyak **53** kes, Terengganu sebanyak **50** kes, Sarawak sebanyak **45** kes, Perlis sebanyak **13** kes dan Kelantan sebanyak **5** kes.

Seterusnya bagi tahun 2008, negeri Johor masih lagi mencatatkan jumlah tertinggi kemalangan yang membabitkan bas ekspres iaitu sebanyak 288 kes, diikuti Perak sebanyak 273 kes, Selangor sebanyak 258 kes, Kuala Lumpur sebanyak 223 kes, Pahang sebanyak 130 kes, Negeri Sembilan sebanyak 109 kes, Pulau Pinang sebanyak 101 kes, Melaka sebanyak 76 kes, Kedah sebanyak 73 kes, Sabah sebanyak 65 kes, Terengganu sebanyak 58 kes, Sarawak 57 kes dan 14 kes di Perlis.

Bagi tahun 2009 pula, Selangor mencatatkan jumlah kemalangan yang membabitkan bas ekspres tertinggi iaitu sebanyak 358 kes, Johor sebanyak 339 kes, Melaka sebanyak 325 kes, Kuala Lumpur sebanyak 266 kes, Perak sebanyak 241 kes, Pahang sebanyak 193 kes, Negeri Sembilan sebanyak 150 kes, Pulau Pinang sebanyak 131 kes, Kedah sebanyak 98 kes, Sabah sebanyak 85 kes, Terengganu sebanyak 81 kes, Sarawak sebanyak 78 kes dan Perlis sebanyak 11 kes. Bagi tahun 2008 dan 2009 tiada kes kemalangan yang melibatkan bas ekspres dilaporkan di Kelantan.

NO. AUM : 121(

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2494**

**SOALAN :**

Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang tanpa izin mengikut negara yang ditangkap di Sabah pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan tiga bulan pertama 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Libaran yang mengeluarkan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tangkapan mengikut kewarganegaraan yang dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia di Sabah adalah seperti berikut:

- i. Bagi tahun 2005 sejumlah 4,860 tangkapan telah dibuat. Pecahan mengikut warganegara adalah Filipina seramai 2,881 orang, Indonesia seramai 1,537 orang, Pakistan seramai 365 orang, China seramai 31 orang, India seramai 15 orang dan lain-lain warganegara 31 orang;
- ii. Bagi tahun 2006 sejumlah 5,796 tangkapan telah dibuat. Pecahan mengikut warganegara adalah Filipina seramai 3,887 orang, Indonesia seramai 1,617 orang, Pakistan seramai 206 orang, India seramai 47 orang, China seramai 12 orang dan lain-lain warganegara 27 orang;
- iii. Bagi tahun 2007 sejumlah 4,140 tangkapan telah dibuat. Pecahan mengikut warganegara adalah Filipina seramai 2,559 orang, Indonesia seramai 1,390 orang, Pakistan seramai 133 orang, India seramai 23 orang, China seramai 9 orang dan lain-lain warganegara 26 orang;

- iv. Bagi tahun 2008 sejumlah 6,531 tangkapan telah dibuat. Pecahan mengikut warganegara adalah Filipina seramai 4,495 orang, Indonesia seramai 1,740 orang, China seramai 137 orang, Thailand seramai 5 orang, India seramai 4 orang dan lain-lain warganegara 43 orang;
- v. Bagi tahun 2009 sejumlah 7,225 tangkapan telah dibuat. Pecahan mengikut warganegara adalah Filipina seramai 4,934 orang, Indonesia seramai 1,999 orang, Pakistan seramai 217 orang, China seramai 29 orang, India seramai 17 orang dan lain-lain warganegara 29 orang; dan
- vi. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2010 pula sejumlah 380 tangkapan telah dibuat. Pecahan mengikut warganegara adalah Filipina seramai 247 orang, Indonesia seramai 116 orang, China seramai 6 orang, Pakistan seramai 6 orang dan lain-lain warganegara 5 orang.

SOALAN NO: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARI PADA: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

SOALAN:

Y.B. Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaram ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah kekosongan pekerjaan pekerja asing yang diambilalih oleh pekerja tempatan dan setakat mana Kementerian berjaya menempatkan pekerja tempatan menerusi Portal JobsMalaysia, Program Penempatan Pekerjaan, Program Penempatan Pekerja, Penempatan Pekerja Yang Diberhentikan dan Penempatan Agensi Pekerja Swasta.

PR-1231-T36342

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa membantu semua pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan. Usaha ini dilaksanakan melalui pelbagai program dan aktiviti seperti melalui portal JobsMalaysia, Program penempatan Pekerjaan, Penempatan Semula Pekerja yang diberhentikan serta penempatan melalui Agensi Pekerjaan Swasta.

KSM tidak mempunyai maklumat lengkap berhubung dengan jumlah pekerjaan pekerja asing yang diambilalih oleh pekerja tempatan. Walaubagaimanapun, maklumat berkaitan

pencapaian program-program penempatan yang dilaksanakan oleh KSM bagi tahun 2009 adalah seperti berikut :

**1. Sistem JobsMalaysia**

Seramai 27,868 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

**2. Program Penempatan Pekerjaan**

Seramai 31,737 orang telah berjaya dibuat penempatan.

**3. Penempatan Pekerja Diberhentikan**

Seramai 6,713 orang pekerja yang diberhentikan telah dapat dibuat penempatan

**4. Penempatan dengan kerjasama Agensi Pekerjaan Swasta**

Seramai 25,960 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Jumlah keseluruhan penempatan atau yang mendapat pekerjaan pada tahun 2009 adalah seramai 92,278 orang. Daripada jumlah tersebut, penempatan bagi bukan siswazah seramai 63,361 dan 28,917 bagi siswazah.

## JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[ LIBARAN ]

## JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

### PERTANYAAN BERTULIS

DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan sejauh manakah keberkesanan kokurikulum sekolah rendah dan menengah dapat melahirkan warga pelajar yang multi-tasking untuk pembangunan negara masa depan.

### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memastikan setiap murid melibatkan diri dalam kokurikulum sekurang-kurangnya 1 sukan dan permainan, 1 kelab dan persatuan serta 1 badan beruniform. Melalui ketiga-tiga bidang kokurikulum ini, pelajar dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai situasi pendidikan. Pelbagai pengiktirafan dan anugerah yang telah diterima oleh para pelajar kita di peringkat antarabangsa. Antaranya, Robotik (*World Robotik Champion – 2 pingat emas*), F1 (*Best Team Identity*) dan Pancaragam (*Pingat Emas*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-12**

---

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN/ BERTULIS

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL (LIBARAN – BN)

**SOALAN**

**Datuk Juslie Bin Ajirol (Libaran – BN)** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana kejayaan Program Tunas Gemilang dalam melahirkan atlet negara yang bertaraf dunia.

**JAWAPAN**

1. Program Tunas Gemilang adalah merupakan satu program yang masih belum matang untuk dinilai keberkesanannya dalam melahirkan barisan para atlet negara yang bertaraf dunia. Ini adalah kerana Program Tunas Gemilang peringkat pertama hanya bermula dari 2 November 2007 hingga 27 Januari 2008 dengan melibatkan para pelajar sekolah rendah yang berusia di antara 7 dan 11 tahun di seluruh Malaysia.
2. Pada tahun 2009, ISN melalui Cawangan Mengenalpasti Bakat dan Bahagian Sukan, Seni dan Ko-Kurikulum (BSSK), Kementerian Pelajaran Malaysia telah berjaya menguji seramai 76,403 orang murid-murid berumur antara 7 dan 11 tahun dari 301 buah sekolah di seluruh Malaysia. Dari jumlah ini, 5% peserta yang mencapai skor terbaik akan dipilih untuk menyertai Kem Little Champs iaitu program kesinambungan Tunas Gemilang yang bakal diadakan pada tahun ini.
3. Pada Disember 2009, Kem Little Champs telah diadakan di Kemaman, Terengganu. Seramai 89 orang peserta terbaik Tunas Gemilang di daerah itu menyertai bengkel pencarian bakat-bakat baru dalam sukan memanah, bolasepak dan hoki. Dari jumlah tersebut, seramai 10 orang peserta sukan

mernanah, 4 orang peserta bagi sukan hoki dan 6 orang peserta bagi bolasepak telah terpilih untuk menjalani latihan di peringkat daerah.

4. Selain itu, atlet-atlet muda yang berpotensi dari Program Tunas Gemilang ini juga bakal diserapkan ke program asasi atlet melalui multilateral di bawah seliaan Jawangan Mengenalpasti Bakat, ISET dan BASK, KPM. Atlet-atlet ini akan menjalani latihan multilateral yang berbentuk *modified games and sports* di peringkat sekolah bagi membentuk asas-asas komponen kecerdasan dan teknik-teknik permainan sukan yang lebih baik.

**SOALAN NO. 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
(PENDANG)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman (Pendang) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit yang telah mendapatkan rawatan dalam bidang TCM di hospital yang diwujudkan perkhidmatan tersebut, serta bidang rawatan yang mendapat perhatian pesakit mengikut jenis rawatan tersebut sejak dilaksanakan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Terdapat enam (6) buah hospital kerajaan yang menawarkan perkhidmatan Perubatan Tradisional dan komplementari (T&CM). Hospital-hospital tersebut adalah Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang, Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu, Hospital Putrajaya, Hospital Sultanah Nurzahirah, Terengganu, Hospital Duchess of Kent Sandakan, Sabah dan Hospital Umum Sarawak.

Sehingga 31 Mac 2010, hospital-hospital tersebut telah merawat seramai **4,556** orang pesakit baru dan seramai **25,676** orang pesakit ulangan.

Bidang rawatan yang ditawarkan di hospital-hospital tersebut adalah :

1. Urutan Tradisional Melayu untuk rawatan Kesakitan Kronik dan Angin Ahmar.
2. Akupuntur untuk rawatan Kesakitan Kronik dan Angin Ahmar.
3. Onkologi iaitu penggunaan herba sebagai rawatan sampingan untuk pesakit barah.
4. Rawatan untuk ibu selepas bersalin. Rawatan ini hanya terdapat di Hospital Putrajaya sahaja.

Berdasarkan rawatan yang disediakan oleh hospital-hospital tersebut, percahan pesakit mengikut rawatan adalah seperti berikut:-

1. Urutan Traditional Melayu : 51.0%
2. Akupuntur : 38.5%
3. Onkologi (rawatan herba sebagai sampingan untuk barah) : 6.4%
4. Rawatan ibu selepas bersalin : 4.1%

Manakala percahan mengikut jenis penyakit pula, dari sejumlah 4,556 pesakit baru, didapati seramai 3,598 (79.0%) pesakit mendapatkan rawatan untuk kesakitan kronik, seramai 478 (10.5%) pesakit mendapatkan rawatan untuk angin ahmar, seramai 292 (6.4%) pesakit mendapatkan rawatan herba sebagai sampingan untuk barah dan seramai 188 (4.1%) pesakit telah mendapatkan rawatan untuk ibu selepas bersalin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN**  
**OTHMAN**  
**[ PENDANG ]**  
**SOALAN :**

**Dato' Dr. Hajl Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit yang telah mengambil bahagian di dalam pelaksanaan skim *Full Paying Patient*, hospital yang terlibat dan jumlah kutipan yang diperolehi serta jumlah doktor yang mengambil bahagian di dalam FPP ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- i. Pada tahun 2009, bilangan pesakit dalam Skim FPP berjumlah seramai 788 orang iaitu 1.16% dari jumlah keseluruhan pesakit dalam (68,137 orang) di dua buah hospital yang terlibat. Bilangan kedatangan pesakit luar pula adalah sebanyak 2,260 kedatangan iaitu 0.71% daripada jumlah keseluruhan kedatangan pesakit luar (317,351) untuk kedua-dua hospital.

ii. Pungutan hasil.

Sebanyak RM2.6juta telah berjaya dikutip oleh kedua-dua hospital melalui Skim FPP pada tahun 2009 (sebelum ditolak bahagian untuk pakar). Jumlah ini merupakan 74.2% daripada jumlah keseluruhan hasil (RM3.5 juta) yang dikutip oleh kedua-dua hospital teribat. Ini mencerminkan kuantum subsidi yang diijimatkan oleh kerajaan daripada perlaksanaan skim FPP ini apabila pesakit yang berkemampuan memilih untuk membayar fi penuh.

iii. Pegawai Perubatan Pakar yang mengambil bahagian dalam Skim FPP ini adalah seramai 79 daripada 222 orang pakar yang terdapat di kedua-dua hospital.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN :** Bertulis

**DARIPADA :** Y.B. Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman  
[Pendang]

**SOALAN :** Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI  
**ASAS TANI menyatakan:-**

apakah kaedah permodenan sistem saliran yang sedang dan akan dijalankan di dalam Kawasan MADA dalam usaha menaikkan hasil padi 10 tan sehektar serta di luar kawasan kawalan MADA untuk mencukupkan keperluan beras negara termasuk empangan dan setakat mana status empangan Noak dilibatkan dalam program ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kawasan Muda merupakan kawasan jelapang padi terbesar di Malaysia. Keluasan kawasan fizikal Kawasan Muda adalah 126,155 hektar di mana seluas 96,558 hektar (76.54%) daripada kawasan fizikal tersebut adalah kawasan tanaman padi.

Bagi keseluruhan kawasan tanaman padi seluas 96,558 hektar, seluas 80,238 hektar atau 83.1% adalah terletak di dalam Negeri Kedah manakala 16,320 hektar lagi atau 16.9% di Negeri Perlis.

Dengan keluasan pasel padi seluas 96,558 hektar, keluasan tanaman padi di Kawasan Muda adalah mewakili 23.22% daripada kawasan pasel padi di Malaysia. Gambaran terperinci kedudukan keluasan pasel padi Kawasan Muda dan lain-lain kawasan jelapang adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Perbandingan Keluasan Pasel Padi Kawasan Muda dan Lain-Lain Kawasan Jelapang Padi Di Malaysia

| Kawasan Jelapang      | Keluasan Pasel Padi (Ha) | Peratus Keluasan (%) |
|-----------------------|--------------------------|----------------------|
| MADA                  | 96,558                   | 23.22                |
| KADA                  | 32,167                   | 7.74                 |
| IADA KSM              | 27,829                   | 6.69                 |
| IADA BLS              | 18,482                   | 4.45                 |
| IADA P.PINANG         | 10,305                   | 2.48                 |
| IADA SEBERANG PERAK   | 8,529                    | 2.05                 |
| IADA KETARA           | 5,156                    | 1.24                 |
| IADA KEMASIN SEMERAK  | 5,220                    | 1.26                 |
| Jumlah Jelapang       | 204,246                  | 49.12                |
| Jumlah Bukan Jelapang | 211,545                  | 50.88                |
| Malaysia              | 415,791                  | 100.00               |

Walaupun Kawasan Muda mewakili 23.22% daripada keseluruhan kawasan tanaman padi di Malaysia, sumbangan pengeluaran padi Kawasan Muda kepada negara adalah melebihi 35.22%. Sumbangan pengeluaran dan peratus pengeluaran kawasan jelapang padi dan bukan jelapang padi kepada negara adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 2: Keluasan Dan Sumbangan MADA Kepada Pengeluaran Padi Negara Berbanding Lain-Lain Jelapang**

| Kawasan Jelapang      | Keluasan Pasel (HA) | % Kepada Negara | Sumbangan Kepada Negara (Metrik Tan Dan %) |        |           |        |           |        |
|-----------------------|---------------------|-----------------|--|--------|-----------|--------|-----------|--------|
|                       |                     |                 | 2006                                       | %      | 2007      | %      | 2008      | %      |
| MADA                  | 96,558              | 23.22           | 750,552                                    | 35.22  | 874,550   | 37.85  | 893,128   | 38.38  |
| KADA                  | 32,167              | 7.74            | 180,976                                    | 8.49   | 188,645   | 8.16   | 176,905   | 7.60   |
| PKSM                  | 27,829              | 6.69            | 160,432                                    | 7.53   | 175,482   | 7.60   | 165,779   | 7.12   |
| PBLS                  | 18,482              | 4.45            | 173,376                                    | 8.14   | 184,115   | 7.97   | 165,095   | 7.09   |
| P.P.P.B P. PINANG     | 10,305              | 2.48            | 97,248                                     | 4.56   | 100,041   | 4.33   | 92,480    | 3.97   |
| SEBERANG PERAK        | 8,529               | 2.05            | 43,709                                     | 2.05   | 47,258    | 2.05   | 51,709    | 2.22   |
| KETARA                | 5,156               | 1.24            | 37,371                                     | 1.75   | 42,707    | 1.85   | 47,240    | 2.03   |
| KEMASIN SEMARAK       | 5,220               | 1.26            | 16,809                                     | 0.79   | 13,651    | 0.59   | 16,105    | 0.69   |
| JUMLAH JELAPANG       | 204,246             | 49.12           | 1,460,473                                  | 68.53  | 1,612,931 | 69.81  | 1,608,441 | 69.12  |
| JUMLAH BUKAN JELAPANG | 211,545             | 50.88           | 670,628                                    | 31.47  | 697,497   | 30.19  | 718,562   | 30.88  |
| MALAYSIA              | 415,791             | 100.00          | 2,131,101                                  | 100.00 | 2,310,428 | 100.00 | 2,237,003 | 100.00 |

Penurunan % Akibat Banjir;

Musim 2/2006 – Keluasan Terlibat : 8,303.57 hektar

(Bil. Peladang : 6,030 orang)

Bagi meningkatkan pemodenan sistem saliran tanaman padi di dalam Kawasan Muda, pihak MADA telah membuat perancangan bagi meningkatkan pembangunan sistem pengairan tersier dan kepadatan taliair di keseluruhan Kawasan Muda kepada 30 meter/ hektar. Sehingga kini, keluasan Kawasan Muda yang mempunyai kepadatan 30 meter/hektar adalah seluas 34,989 hektar atau 36% daripada 96,558 hektar kawasan sawah padi di MADA.

Baki seluas 61,569 hektar atau 64% kawasan tanaman padi di Kawasan Muda hanya mempunyai kepadatan taliair 11 meter/hektar. Dengan mengambilkira kedua-dua kawasan tersebut, purata keseluruhan kepadatan tali air Kawasan Muda adalah 18 meter/hektar. Purata tersebut adalah terendah jika dibandingkan dengan lain-lain kawasan jelapang padi di Malaysia. Perbandingan purata kepadatan taliair dalam Kawasan Muda dengan lain-lain kawasan jelapang adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Perbandingan Kepadatan Talair Antara MADA dan Lain-Lain Kawasan Jelapang

| BIL. | Nama Projek          | Kepadatan |
|------|----------------------|-----------|
| 1.   | MADA - Muda II (36%) | 30 m / ha |
|      | - Non-Muda II (64%)  | 11 m /ha  |
|      | - Purata             | 18 m / ha |
| 2.   | KADA                 | 24 m /ha  |
| 3.   | Kerian               | 31 m /ha  |
| 4.   | Kemasin Semarak      | 33 m / ha |
| 5.   | FELCRA Perak         | 36 m/ha   |
| 6.   | Pulau Pinang         | 39 m /ha  |
| 7.   | Sg. Manik            | 40 m /ha  |
| 8.   | Barat Laut Selangor  | 43 m /ha  |
| 9.   | Besut                | 48 m / ha |

Bagi mencapai matlamat meningkatkan kepadatan keseluruhan sistem pengairan tersier dan kepadatan talair kepada 30 m/hektar dalam Kawasan Muda, pihak MADA memerlukan peruntukan sejumlah RM1,975.90 juta. Peruntukan tersebut telah pun dipohon dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe10).

Adalah diharapkan dengan peningkatan kepadatan infrastruktur pengairan dan saliran di seluruh Kawasan Muda kepada 30 meter/hektar akan membantu MADA mencapai matlamat berikut iaitu:-

- a) Meningkatkan kecekapan pengairan dan pengendalian hasil ladang dalam Kawasan Muda.
- b) Meningkatkan pengeluaran padi seterusnya menambahkan pendapatan petani dalam Kawasan Muda
- c) Memaksimakan pengeluaran padi melalui mekanisma permodenan dan teknologi baru.

Bagi kawasan tanaman padi di luar Kawasan Muda, pihak MADA telah mengambilalih seluas 2,730 hektar dan melibatkan seramai 1,981 orang petani kawasan sawah pinggir MADA di Negeri Kedah sebagai Kawasan Muda. Kawasan tersebut telah diwartakan sebagai Kawasan Muda melalui Warta No. PU(B) 110 bertarikh 6 April 2009. Pengambilalihan operasi dalam kawasan tersebut akan dimulakan pada tahun 2011.

Dengan pengambilalihan tersebut, pihak MADA perlu mengambil alih semua tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Pertanian Negeri Kedah manakala peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dalam kawasan tersebut dikenalkan.

Bagi kawasan sawah pinggir MADA di Negeri Perlis pula ianya kini dalam peringkat pewartaan dan dijangka dapat diselesaikan pada akhir tahun 2010. Jumlah keluasan sawah yang terlibat adalah 1,397 hektar melibatkan seramai 524 orang petani.

Dengan pewartaan kawasan-kawasan tersebut, petani yang terlibat akan memperolehi semua kemudahan yang dinikmati oleh petani dalam Kawasan Muda yang lain seperti penjadualan tanaman padi yang tersusun, khidmat operasi pengembangan dan peningkatan hasil padi yang bersepadu.

Projek Empangan Naok/Jeniang Transfer adalah projek yang dijalankan dengan objektif untuk menjamin kemapanan tanaman padi dua (2) kali setahun dalam Kawasan Muda di samping memenuhi bekalan air domestik dan kegunaan industri.

ini disebabkan industri tanaman padi dan penggunaan air domestik dan industri memerlukan sumber bekalan tambahan kerana kajian menunjukkan negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia seperti Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang telah dikenalpasti sebagai kawasan kekurangan air (water stress area).

Hasil dari kajian sumber air negara oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada tahun 2000, telah mengenalpasti Projek Empangan Naok/Jeniang Transfer sebagai satu punca air untuk dibangunkan bagi keperluan industri tanaman padi dan kegunaan domestik serta industri.

Sehingga kini, projek ini di dalam peringkat rekabentuk terperinci yang dikendalikan oleh Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Anggaran awal kos pembinaan Empangan Naok/Jeniang Transfer adalah berjumlah RM450 juta. Sehingga kini, Kajian Impak Persekutaran (EIA) telah disiapkan manakala proses rekabentuk awal (preliminary design) bagi struktur dijangka akan dapat disiapkan pada bulan April 2010.

Secara keseluruhan dapatlah disimpulkan sekiranya ketiga-tiga projek iaitu pembangunan sistem pengairan tersier dan kepadatan talair ditingkatkan kepada 30 meter/hektar, penambahan kawasan pinggir MADA sebagai Kawasan Muda dan pembinaan Empangan Naok/Jeniang Transfer berjaya dilaksanakan akan dapat meningkatkan jumlah pengeluaran beras untuk keperluan negara seterusnya meningkatkan taraf hidup para petani dalam Kawasan Muda.

No: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN  
[ PENDANG ]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 18**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapa jumlah pinjaman berhubung dengan permodenan sistem air kepada negeri-negeri dalam 5 tahun lepas sebelum diambil alih oleh SPAN, dan apakah hasil yang bakal dinikmati oleh negeri-negeri hasil pengambil alihan oleh SPAN terhadap perkhidmatan air ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah sebuah badan kawal selia air yang bertanggungjawab di bawah

Akta 654 untuk menguatkuasakan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Sebagai badan kawal selia, SPAN tidak akan mengambil alih operasi dan pinjaman operator-operator air. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, akan mengambil alih aset-aset dan pinjaman-pinjaman berkaitan air sedia ada yang dibuat oleh kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Siling RMKe9 yang diperuntukan bagi projek bekalan air kepada negeri-negeri secara keseluruhan adalah sebanyak RM 7,079.13 juta. Peruntukan ini disediakan secara pinjaman adalah untuk membangunkan dan memodenkan sistem bekalan air di seluruh negara.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN  
OTHMAN  
[ PENDANG ]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [ Pendang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sudah berapa jumlah klinik 1Malaysia ditubuhkan, berapa jumlah perkhidmatan yang telah diberikan dan apakah reaksi daripada MMA di dalam penubuhan klinik ini dan kesan terhadap Farmasi dan Klinik Persendirian di kawasan sekitarnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat 50 Klinik 1Malaysia telah ditubuhkan di setiap negeri. Perkhidmatan yang diberikan pula merangkumi perkhidmatan rawatan kuratif untuk penyakit ringan, melakukan prosedur surgery ringan , membuat notifikasi bagi penyakit berjangkit, menstabilkan pesakit sebelum dirujuk ke hospital berdekatan bagi kes kecemasan, perkhidmatan makmal menggunakan *point of care test*, *pendispesian* ubat dan khidmat nasihat / promosi kesihatan kepada pesakit.

Penubuhan Klinik 1Malaysia ini mendapat tentangan dari MMA dan klinik swasta khususnya. Walaubagaimanapun, KKM telahpun mengadakan sesi dialog menerangkan tujuan penubuhan Klinik 1Malaysia ini dan jaminan kerajaan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan di klinik swasta tidak terjejas. Sesi bersama dengan MMA ini dipengerusikan oleh YBMR pada 8 Januari 2010.

NO. AUM : *2120*

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2495**

**SOALAN:**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan bagi kenaikan gaji dan elaun 98,747 anggota PDRM dengan cara-cara yang adil untuk tujuan ini. Apakah langkah-langkah untuk mempertingkatkan standard dan prestasi kepolisian.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kepong, ingin saya menyatakan bahawa implikasi peruntukan kewangan yang dibelanjakan oleh Kerajaan ialah sejumlah RM483,327,545.00 bagi tempoh dua tahun (2009 dan 2010) untuk tujuan penyelarasan gaji dan elaun pegawai dan anggota PDRM disebabkan oleh perubahan Skim Perkhidmatan PDRM Tahun 2009.

Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pasukan PDRM, antara langkah utama yang diambil oleh pihak Kementerian dan PDRM ialah melaksanakan 55 inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) bagi usaha mengurangkan kadar jenayah. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah, pertama, meningkatkan elemen *omnipresence* dengan bantuan pihak sukarelawan daripada Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), kedua, penubuhan *First Respond Team* yang menggunakan motosikal serta balai polis bergerak dan ketiga, meningkatkan interaksi serta kerjasama dengan orang ramai melalui program *Stop and Talk* dan *High Profile Policing*.

Selain itu, *Key Performance Indicators* (KPI) bagi Ketua Polis Negara diwujudkan untuk tujuan seperti berikut:

- i. mengukur tahap prestasi utama berdasarkan kepada objektif PDRM yang merangkumi penurunan kadar jenayah, peningkatan kadar penyelesaian kes, pembanterasan jenayah terancang, meningkatkan ke arah pengurangan bekalan dan permintaan dadah dan meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah,
- ii. memastikan tahap pencapaian prestasi menepati sasaran yang ditetapkan, dan
- iii. membolehkan satu kajian impak dijalankan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti secara berterusan

Pihak PDRM juga turut melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 dalam pengurusan organisasi mereka serta menukuhkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi menggalakkan daya kreativiti dan inovasi di kalangan pegawai dan anggota polis.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : DR TAN SENG GIAW  
( KEPONG )  
NO.SOALAN : 21

DR TAN SENG GIAW ( KEPONG ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan keadaan sewa beli negara ini berbanding dengan negara-negara serantau. Apakah kelemahan-kelemahan termasuk pemilikan semula serta jumlah wang yang terlibat dengan sewa beli di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telahpun menjalankan beberapa kajian berhubung status perundangan semasa sewa beli yang dipraktikkan di negara-negara lain berbanding perundangan yang ada di negara kita. Hasil daripada kajian yang telah dilaksanakan mendapati secara keseluruhannya perundangan sewa beli Malaysia berbanding negara-negara lain seperti Singapura, Australia, New Zealand dan India mempunyai banyak persamaan dan tidak jauh berbeza.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan perundangan yang dilaksanakan terutama di dalam aspek pengambilan semula di dalam perundangan negara-negara

terbabit. Antaranya sebagai contoh, bagi negara Singapura dibawah Akta Sewa Beli Singapura (Seksyen 15(1)), proses pengambilan semula hanya boleh dilaksanakan apabila tempoh masa notis yang telah diberikan iaitu dalam masa kurang 7 hari bekerja kepada penyewa tamat. Notis diberikan setelah penyewa didapati gagal dalam memastikan pembayaran dibuat mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu, bagi negara Australia pula dibawah undang-undangnya *Hire Purchase Act 1959* (*Section 12A (1)*) menyatakan pada keadaan-keadaan tertentu pihak pemunya yang ingin menjalankan aktiviti pengambilan semula perlu untuk mendapatkan kebenaran (*consent*) daripada ‘Pesuruhjaya’ (*Commissioner*) yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 23(A) Akta tersebut.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam melaksanakan Akta ini yang sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap pengguna mahupun pihak yang berkaitan seperti pihak bank. Antara kelemahan yang dikenalpasti adalah seperti;

- (a) Tiada peruntukan dan peraturan khusus untuk memantau aktiviti pengambilan semula oleh pihak pemunya, penjawat atau agen pemunya;
- (b) Tidak menyatakan liabiliti yang perlu dipatuhi oleh pemunya semasa dan selepas pengambilan semula milikan dilakukan;
- (c) Tiada syarat khusus berhubung kategori atau kelayakan yang sesuai untuk melantik penarik barang;

- (d) Tiada prosedur yang jelas berhubung kaedah pengambilan semula milikan; dan
- (e) Tiada takrifan yang jelas tentang bayaran tempahan, deposit, kenyataan bertulis, liabiliti, kadar penalti dan lain-lain lagi.

Namun begitu, perkara ini telah dibincangkan dan diperhalusi oleh Kementerian dan akan diatasi dengan sebaik mungkin setelah pindaan akta ini dibentangkan di Parlimen untuk Bacaan Kali Pertama pada sidang Dewan kali ini.

Merujuk kepada persoalan berhubung jumlah wang yang terlibat di dalam sektor ini, berdasarkan kepada Laporan Perkembangan Monetari dan Kewangan, Bank Negara Malaysia tahun 2009, pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi kewangan bagi maksud pembelian kereta penumpang telah mencecah RM18.9 billion untuk tempoh antara Januari hingga Julai 2009. Ini bermaksud secara keseluruhannya, pinjaman kereta penumpang menyumbang sebanyak 5.2% daripada keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan iaitu sebanyak RM362.9 billion untuk tempoh yang sama oleh institusi kewangan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW**

**KAWASAN : KEPONG**

**TARIKH :**

**NO. SOALAN : 22**

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bilangan IKS di negara ini dan peranan mereka dalam ekonomi negara serta bilangan skim, kriteria yang adil dan jumlah peruntukan bagi membantu mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Banci Pertubuhan 2005 dan Enterpris oleh Jabatan Perangkaan**

Malaysia, terdapat 548,267 perusahaan kecil dan sederhana (PKS), laitu merangkumi 99.2 peratus daripada jumlah syarikat di Malaysia. Namun demikian, PKS sekadar menyumbang 31.4% daripada KDNK pada tahun 2008.

Seshubungan dengan itu, satu Pelan Induk PKS (2011-2020) akan dirangka bagi melonjakkan pertumbuhan KDNK PKS dan seterusnya meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara.

Bagi tahun 2009, sebanyak 157 program utama telah dilaksanakan dengan komitmen kewangan berjumlah RM2.68 billion. Ia telah memberi manfaat kepada 732,000 PKS merentasi semua kaum dan sektor. Dari pada keseluruhan jumlah program tersebut, 18 program adalah bagi tujuan memperkuatkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS(RM0.12 billion), 120

program bagi tujuan pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS (RM0.68 bilion) dan 19 lagi program yang selebihnya adalah untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan (RM1.88 bilion).

Selain itu untuk tahun 2010 pula, sebanyak 354 program sedang dilaksanakan dengan komitmen kewangan berjumlah RM8.02 bilion merangkumi kesemua dana dan program PKS. Daripada keseluruhan jumlah program tersebut, 202 program (62%) adalah bagi meningkatkan daya maju kesemua sektor PKS, 114 program (31%) bagi tujuan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor PKS dan 38 program (7%) bagi tujuan menggalakkan pembangunan PKS dalam industri berasaskan pengetahuan (K-SMEs).

Peruntukan kewangan yang besar ini merupakan bukti komitmen dan usaha Kerajaan untuk memastikan

PKS memainkan peranan yang lebih penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi Negara yang mapan pada masa akan datang.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha beliau untuk mempertingkatkan standard guru dan pelajar di semua sekolah. Apakah projek-projek baru sejak beliau memegang jawatan ini selain dari sekolah prestasi tinggi dan sekolah-sekolah untuk pelajar-pelajar yang terpintar.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan memastikan mereka yang berkualiti kekal dalam sistem pendidikan negara dan kekal berkualiti di sepanjang tempoh perkhidmatan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan guru dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan guru. KPM bertanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan perguruan untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar di IPG seluruh negara. KPM telah mengambil langkah proaktif dalam membangunkan dan memperkenalkan Standard Guru Malaysia (SGM) sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan di Malaysia, dalam usaha untuk melahirkan dan melestari guru berkualiti. SGM ini menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi pendidikan guru bagi membantu mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan.

SGM digubal bagi tujuan untuk :

- i. Mengenal pasti tahap kompetensi profesional guru dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran; dan
- ii. Mengenalpasti tahap penyediaan dan pelaksanaan keperluan latihan oleh agensi dan institusi pendidikan guru bagi menjamin tahap kompetensi guru yang ditetapkan boleh dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** DR. TAN SENG GIAW

**SOALAN :** NO.25

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan profesor dan pensyarah di 20 IPTA dan bilangan yang mempunyai PhD atau ijazah yang lebih tinggi. Apakah dasar, matlamat dan kriteria untuk memastikan bilangan yang mendapat PhD dan standard PhDnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009 terdapat seramai 26,700 orang staf akademik di IPTA. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,060 orang adalah berkelulusan doktor falsafah (PhD) dan seramai 1,625 orang adalah berjawatan profesor.

Untuk menjamin kualiti, semua lantikan baru untuk ke jawatan tutor atau pensyarah perlu mempunyai kelayakan minima CGPA 3.0 dan ke atas serta kelayakan sarjana yang cemerlang atau mempunyai kelayakan PhD dari universiti yang diiktiraf dan dianggap terbaik dalam bidang berkenaan.

MyBrain15 merupakan salah satu agenda kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dengan matlamat untuk melahirkan bilangan pemegang ijazah PhD yang secukupnya sebagai pemacu kepada inovasi agar ekonomi Malaysia akan lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Program ini menetapkan sasaran menghasilkan seramai 60,000 pemegang ijazah PhD dalam masa 15 tahun iaitu bermula dari tahun 2008 hingga 2023. Ini termasuk

peringkatan pemegang PhD di kalangan tenaga pengajar IPTA. Pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan termasuk:-

- i. melaksanakan skim/incentif untuk program-program bantuan Ijazah PhD;
- ii. membangun dan melaksanakan Skim Pembantu Pengajar;
- iii. membangunkan struktur gaji baru untuk pemegang Ijazah PhD; dan
- iv. memperkenalkan Anugerah Sarjana Muda (*Young Scholar Award*).

SOALAN NO : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : BERTULIS

**DARIPADA** : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI

[LEDANG]

**SOALAN** :

**IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang permintaan Majlis Tindakan Daerah Ledang supaya Jalan JKR Tangkak ke Muar dikategorikan sebagai Jalan Protokol.

## JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang akan dipertimbangkan untuk dikategorikan sebagai Jalan Protokol mestilah memenuhi ciri-ciri seperti berikut:

- (i) Melalui kawasan bandar;
- (ii) Menghubungkan premis-premis kerajaan, istana dan lapangan terbang;
- (iii) Mempunyai minimum dua (2) lorong dua (2) hala / empat (4) lorong; dan
- (iv) Mempunyai landskap.

Jalan yang dikategorikan sebagai Jalan Protokol, penyenggaraan rutin yang lebih kerap bagi item penyenggaraan perabot jalan (R04), penyenggaraan jambatan dan pembetung (R05) dan penyenggaraan saliran (R07).

Jalan Protokol dalam negeri Johor hanya terdapat di daerah Johor Bahru sahaja iaitu:

- (i) Jalan Johor Bahru-Pasir Gudang (FT017);
- (ii) Lebuh raya Senai - Skudai (FT001);
- (iii) Jalan Lapangan Terbang Senai (FT016);

- (iv) Jalan Lingkaran Dalam (FT018);
- (v) Jalan dari Simpang Skudai / Pontian – Simpang Johor Baru / Pontian (FT005);
- (vi) Jalan Johor Bahru – Simpang Johor Baru / Kota Tinggi (FT003);
- (vii) Jalan Masuk ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (FT177 & 178); dan
- (viii) Laluan susur Johor Bahru-Pasir Gudang (FT017) & Johor Baru - Kota Tinggi (FT003)

Namun begitu, sekiranya pihak Majlis Tindakan Daerah Ledang memohon supaya Jalan Tangkak ke Muar (FT023) dikategorikan sebagai Jalan Protokol, Kementerian Kerja Raya berpendapat bahawa laluan tersebut tidak sesuai untuk dijadikan Jalan Protokol kerana ianya tidak memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan atas alasan-alasan berikut:

- (i) Laluan ini menghubungkan Parit Bunga ke Pekan Tangkak. Laluan ini tidak melalui kawasan bandar Muar kerana ia bersambung dengan Laluan Persekutuan Jalan Batu Pahat-Muar (FT005), sebelum tiba di Bandar Muar;

- (ii) Laluau ini tidak menghubungkan premis kerajaan secara keseluruhannya dan tidak melibatkan kawasan istana dan lapangan terbang;
- (iii) Laluau ini mempunyai hanya “single lane-dual carriage-way” dari Muar ke Tangkak; dan
- (iv) Hanya kawasan tertentu sahaja yang mempunyai landskap.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. IR HAJI HAMIM BIN**  
**SAMURI**  
**(LEDANG)**  
**TARIKH :**  
**SOALAN : 26**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan:-

- (a) bilakah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Serom, Ledang akan beroperasi sepenuhnya.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Ledang merupakan projek sambungan dari Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8). Pembinaannya telah siap sepenuhnya pada bulan November 2009. Walau bagaimanapun, Majlis Amanah Rakyat (MARA) mendapati masih terdapat kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, MARA tidak dapat menerima projek berkenaan sehingga kerja-kerja tersebut dibaiki oleh kontraktor mengikut spesifikasi yang dikehendaki. Dijangkakan kerja-kerja tersebut akan disiapkan pada bulan April 2010.

MARA merancang untuk memulakan operasi KKTM Ledang pada Julai 2010. Namun begitu, cadangan ini hanya melibatkan penempatan kakitangan pengurusan, akademik, pengajian am dan sokongan sahaja. Melalui penempatan awal ini, persiapan untuk memulakan operasi dapat dibuat secara terancang dan teratur.

Seterusnya, pengambilan pelajar pula dirancangkan pada bulan Januari 2011 setelah KKTM Ledang telah dilengkapi dengan peralatan dan keperluan latihan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun KKTM Ledang belum beroperasi sepenuhnya, namun kini terdapat lapan (8) KKTM yang sedang beroperasi di seluruh negara di mana salah satu daripadanya terletak di negeri Johor iaitu KKTM Sri Gading, Batu Pahat. KKTM Sri Gading ini mula beroperasi pada tahun 2008. Pada masa ini, KKTM Sri Gading mampu

menampung seramai 163 orang pelajar di dalam lima (5) program diploma teknologi yang ditawarkan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN:      BUKAN LISAN**

**DARIPADA :      YB IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
[LEDANG]**

**RUJUKAN :      16 [PR-1231-L35878]**

**SOALAN :**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan berapa banyak permohonan bantuan rakyat miskin dari Majlis Daerah Tangkak Ledang dan berapa pula diluluskan.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ledang, bagi tempoh 2006 hingga 2009, terdapat **131** jumlah permohonan bantuan rakyat miskin yang telah diluluskan di **kawasan Majlis Daerah Tangkak**. Sejumlah **RM48,126** telah gunakan untuk membiayai pelbagai bantuan kepada rakyat miskin di kawasan ini. Bantuan-

bantuan yang dipohon dan dituluskan tersebut adalah seperti berikut :

- (i) bantuan sewa rumah;
- (ii) bantuan perselidikan;
- (iii) bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi;
- (iv) bantuan kos pengangkutan anak ke sekolah;
- (v) bantuan untuk ibu ke tempat kerja;
- (vi) bantuan dialisis; dan
- (vii) bantuan ihsan.

**SOALAN NO.: 28**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [ LEDANG ]**

**SOALAN :**

**Ir. Haji Hamim Bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh mana keberkesanan Projek Tebatan Banjir Sungai Tangkak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Projek Tebatan Banjir Sungai Tangkak adalah untuk mengurangkan masalah dan kesan banjir di kawasan bandar dan pinggir bandar Tangkak dengan menambahkan kapasiti saliran Sungai Tangkak dan parit-parit utama di kawasan projek.

Pada keseluruhannya kawasan yang diliputi serta mendapat manfaat projek ini adalah seluruh bandar Tangkak, Kg. Sri Ma'amor, Kg. Bukit Banjar, Parit Kebun Sayur, Sungai Paya Mas dan kawasan sekitarnya.

Sekjak projek ini dilaksanakan sehingga kini masalah banjir tidak lagi berlaku kerana sistem saliran yang dibina telah dapat menampung air lebihan hujan dengan banyak. Bilangan penduduk yang mendapat manfaat adalah seramai 26,283 penduduk (bandar Tangkak / Kg Sri Maamor); 2,563 penduduk (Sialang) dan 1,353 penduduk (Payamas / Bukit Banjar).

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. ( 29 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
(LEDANG)**

**SOALAN :**

**Y.B. TUAN IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI (LEDANG) minta  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
menyatakan bila Perbadanan Pelupusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam akan berfungsi di Tangkak Ledang.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) ialah sebuah Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) yang berfungsi untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Dalam hal ini, PPSPPA mempunyai lapan (8) pejabat di negeri Johor, iaitu satu(1) Ibu Pejabat Negeri dan tujuh (7) pejabat cawangan. Antara pejabat cawangan yang telah dibuka adalah termasuk pejabat cawangan Muar dan Tangkak di Maharani Rivera, Muar. Pejabat cawangan tersebut telah beroperasi pada 1 Disember 2009 yang lalu. Pejabat-pejabat cawangan PPSPPA telah memulakan persediaan dari aspek pentadbiran bagi membolehkan proses peralihan berjalan dengan lancar apabila Akta dikuatkuasakan kelak. PPSPPA akan berfungsi dengan sepenuhnya setelah Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dikuatkuasakan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2010

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN CHONG ENG  
**[ BUKIT MERTAJAM ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B PUAN CHONG ENG [ BUKIT MERTAJAM ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan di bawah pakej rangsangan ekonomi 1 dan 2 mengikut sekolah bagi negeri Pulau Pinang pada tahun 2009.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan kepada Pulau Pinang di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1, adalah sebanyak RM15.73 juta telah bagi tujuan kerja-kerja Ubah Suai Naik Taraf (USNT). Manakala dalam Pakej Rangsangan Ekonomi 2 pula, sebanyak RM16.084 juta telah diperuntukkan merangkumi peruntukan bagi naik taraf Sekolah Kerajaan, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Mualigh dan SJKT. Butiran kelulusan peruntukan adalah seperti berikut :

| PROGRAM                    | KELULUSAN PERUNTUKAN UNTUK KPM KESELURUHAN |                          | KELULUSAN PERUNTUKAN UNTUK NEGERI PULAU PINANG |      |             |      |
|----------------------------|--|--------------------------|--|------|-------------|------|
|                            | BIL PROJEK                                 | SILING (RM)              | BIL PROJEK                                     | %    | SILING (RM) | %    |
| RMKe-9 KPM                 | 13,864<br>(100 %)                          | 24,114,112,891<br>(100%) | 521  | 3.75 | 877,107,766 | 3.64 |
| Pakej Rangsangan Ekonomi 1 | 5,802<br>(100 %)                           | 450,000,000<br>(100%)    | 152  | 2.62 | 15,732,581  | 3.50 |

|                            |                  |                          |     |       |             |      |
|----------------------------|------------------|--------------------------|-----|-------|-------------|------|
| Pakej Rangsangan Ekonomi 2 | 808<br>(100%)    | 1,945,169,099<br>(100%)  | 37  | 4.58% | 16,084,008  | 0.83 |
| JUMLAH                     | 20,474<br>(100%) | 26,509,281,990<br>(100%) | 710 | 2.67  | 908,924,356 | 3.42 |

**SOALAN 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN CHONG ENG  
[BUKIT MERTAJAM]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

statistik peserta MM2H mengikut tahun penyertaan, negara, umur, jantina, kurungan pendapatan dan negeri yang terlibat dari tahun 1999-2009.

## JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan peserta di bawah Program Malaysia Rumah KeduaKu (MM2H) sejak program ini dilancarkan pada tahun 2002 sehingga 2009 adalah seramai 13,317 orang yang datang daripada 110 buah negara. Bilangan peserta yang teramai bagi 10 negara tertinggi bagi tempoh masa tersebut adalah dari negara China (2,298 peserta), Bangladesh (1,732 peserta), United Kingdom (1,495 peserta), Jepun (1,011 peserta), Singapura (645 peserta), Taiwan (605 peserta ), Iran (524 peserta), India (530 peserta), Indonesia (532 peserta) dan Korea Selatan (500 peserta).

Peserta program ini dibahagikan kepada dua kategori umur iaitu (i) 50 tahun ke atas dan (ii) di bawah 50 tahun. Mengikut rekod yang ada pada Kementerian iaitu bagi tahun 2007 - 2009, seramai 3,175 ( 69%) orang peserta adalah berumur 50 tahun dan ke atas, manakala 1,418 (31%) orang adalah di bawah 50 tahun daripada jumlah keseluruhan 4,593 orang peserta. Dari segi jantina, adalah didapati seramai 4,130 orang (90%) adalah peserta lelaki dan peserta wanita hanya seramai 463 orang (10%).

Berhubung aspek pendapatan, setiap pemohon yang berusia 50 tahun ke bawah dikehendaki mempunyai pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM10,000 serta aset cair sebanyak RM500,000. Manakala pemohon berumur 50 tahun dan ke atas perlu mempunyai aset cair sekurang-

kurangnya RM350,000 atau 'off-shore pension' sebanyak RM10,000 sebulan untuk dipertimbangkan ke program ini.

NOL. SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** PUAN CHONG ENG (BUKIT MERTAJAM)

**SOALAN :**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci peruntukan di Bukit Mertajam mengikut butiran projek bagi tahun 2008, 2009 termasuk tarikh projek disiapkan dan rancangan peruntukan bagi tahun 2010.

**JAWAPAN :**

Dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK-9), sebanyak 78 projek Persekutuan diluluskan di Parlimen Bukit Mertajam dengan siling peruntukan sebanyak RM739.01 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50 projek telah berjaya disiapkan, manakala baki sebanyak 28 projek berada dipelbagai peringkat pelaksanaan sedang giat dilaksanakan. Projek-projek ini dijangka akan dapat disiapkan dalam baki tempoh 9 bulan RMK-9.

**SENARAI PROJEK RMK-9 DI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM**

| <b>Bil.</b> | <b>Kementerian</b>                         | <b>Nama Projek</b>  | <b>Status Kemajuan Semasa</b> |
|-------------|--|---|-------------------------------|
| 1           | Jabatan Perdana Menteri                    | BANK TANAH MACHANG BUBUK, SEBERANG PERAI TENGAH   | Sudah Siap                    |
| 2           | Jabatan Perdana Menteri                    | KEMUDAHAN SATU DAERAH SATU INDUSTRI   | Ikut Jadual                   |
| 3           | Jabatan Perdana Menteri                    | PERUMAHAN PEGAWAI POLIS DIRAJA MALAYSIA BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG  | Ikut Jadual                   |
| 4           | Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah | GIATMARA BUKIT MERTAJAM   | Ikut Jadual                   |
| 5           | Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar     | RTB SG. JUNJUNG   | Dahului Jadual                |
| 6           | Kementerian Kerja Raya                     | MENGGANTI JAMBATAN DI LALUAN PERSEKUTUAN - PULAU PINANG   | Ikut Jadual                   |
| 7           | Kementerian Kerja Raya                     | MEMBINA JAMBATAN SUNGAI MUDA (KUALA SG. MUDA), SEBERANG PERAI UTARA (REKABENTUK)  | Sudah Siap                    |
| 8           | Kementerian Kerja Raya                     | MEMBINA JEJAMBAT MENGHUBUNGI JALAN NANGKA - JALAN PERDA TIMUR MERENTASI JALAN PADANG LALANG/JALAN PERMATANG RAWA, BUKIT MERTAJAM              | Sudah Siap                    |
| 9           | Kementerian Kerja Raya                     | MEMBINA JEJAMBAT MENGHUBUNGKAN JALAN NANGKA/JALAN PERDA TIMUR MERENTASI JALAN PADANG LALANG/JALAN PERMATANG RAWA,BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG | Ikut Jadual                   |
| 10          | Kementerian Kerja Raya                     | LEBUHRAYA LINGKARAN LUAR PULAU PINANG (PORR-BINA)   | Ikut Jadual                   |
| 11          | Kementerian Pengangkutan                   | MENGGANTIKAN JAMBATAN DAN MENINGGIKAN LANDASAN SIMPANG AMPAT  | Sudah Siap                    |
| 12          | Kementerian Pengangkutan                   | MENGGANTIKAN JAMBATAN DAN MENINGGIKAN LANDASAN CHANGKAT   | Sudah Siap                    |
| 13          | Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air  | PROJEK PEMBESARAN EMPANGAN MENGKUANG  | Ikut Jadual                   |

**SENARAI PROJEK RMIK-S DI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM**

| Bil. | Kementerian                               | Nama Projek   | Kemajuan Semasa |
|------|---|---|-----------------|
| 14   | Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air | BINA LOJI RAWATAN PEMBETUNGAN JURU TANAH BESAR PULAU PINANG (JBIC-F2, PAKET 2) - BINA LOJI RAWATAN PEMBETUNGAN JURU . | Sudah Siap      |
| 15   | Kementerian Pelajaran                     | SK STOWEI   | Sudah Siap      |
| 16   | Kementerian Pelajaran                     | SK KG BARU  | Sudah Siap      |
| 17   | Kementerian Pelajaran                     | SK BUKIT TEM  | Sudah Siap      |
| 18   | Kementerian Pelajaran                     | SK BUKIT MINYAK   | Sudah Siap      |
| 19   | Kementerian Pelajaran                     | SK JUARA  | Sudah Siap      |
| 20   | Kementerian Pelajaran                     | SK.SUNGAI RAMBAI  | Sudah Siap      |
| 21   | Kementerian Pelajaran                     | SK.ALMA   | Sudah Siap      |
| 22   | Kementerian Pelajaran                     | SJKC PERMATANG TINGGI   | Sudah Siap      |
| 23   | Kementerian Pelajaran                     | SJKC PERKAMPUNGAN BERAPIT   | Sudah Siap      |
| 24   | Kementerian Pelajaran                     | SJKC KAY SIN  | Sudah Siap      |
| 25   | Kementerian Pelajaran                     | SK MACHANG BUBUK II(B)  | Sudah Siap      |
| 26   | Kementerian Pelajaran                     | SK ALMA JAYA II   | Sudah Siap      |
| 27   | Kementerian Pelajaran                     | SJK (T)PERMATANG TINGGI   | Ikon Jadual     |
| 28   | Kementerian Pelajaran                     | SK JUARA  | Dahului Jadual  |
| 29   | Kementerian Pelajaran                     | SMK JLN DAMAI   | Ikon Jadual     |
| 30   | Kementerian Pelajaran                     | SMK PERMAI INDAH  | Lewat Jadual    |
| 31   | Kementerian Pelajaran                     | SMK BUKIT MINYAK (SS)   | Sudah Siap      |
| 32   | Kementerian Pelajaran                     | SMK TAMAN PERWIRA (SS)  | Sudah Siap      |
| 33   | Kementerian Pelajaran                     | SMK MACHANG BUBUK II(B)   | Sudah Siap      |
| 34   | Kementerian Pelajaran                     | NAIKTARAF SUKAN SBP P.PINANG (SM SAINS TUN SYED SHEH SHAHABUDIN, B. MERTAJAM, P. PINANG)                              | Sudah Siap      |

**SENARAI PROJEK RMK-9 DI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM**

| <b>Bil.</b> | <b>Kementerian</b>    | <b>Nama Projek</b>        | <b>Status Kemajuan Semasa</b> |
|-------------|-----------------------|---------------------------|-------------------------------|
| 35          | Kementerian Pelajaran | SK ALMA JAYA              | Sudah Siap                    |
| 36          | Kementerian Pelajaran | SJKC KAY SIN              | Sudah Siap                    |
| 37          | Kementerian Pelajaran | SK JUARA                  | Sudah Siap                    |
| 38          | Kementerian Pelajaran | SK ALMA                   | Sudah Siap                    |
| 39          | Kementerian Pelajaran | SJKT BUKIT MERTAJAM       | Sudah Siap                    |
| 40          | Kementerian Pelajaran | SK BUKIT TEH              | Sudah Siap                    |
| 41          | Kementerian Pelajaran | SJKC KUBANG SEMANG        | Sudah Siap                    |
| 42          | Kementerian Pelajaran | SK SUNGAI RAMBAI          | Sudah Siap                    |
| 43          | Kementerian Pelajaran | SK BUKIT MINYAK           | Sudah Siap                    |
| 44          | Kementerian Pelajaran | SK MACHANG BUBOK          | Sudah Siap                    |
| 45          | Kementerian Pelajaran | SK KEBUN SIREH            | Sudah Siap                    |
| 46          | Kementerian Pelajaran | SK CONVENT BUKIT MERTAJAM | Sudah Siap                    |
| 47          | Kementerian Pelajaran | SK ALMA                   | Ikut Jadual                   |
| 48          | Kementerian Pelajaran | SK SUNGAI RAMBAI          | Sudah Siap                    |
| 49          | Kementerian Pelajaran | SMK ALMA                  | Sudah Siap                    |
| 50          | Kementerian Pelajaran | SK BUKIT MINYAK           | Ikut Jadual                   |
| 51          | Kementerian Pelajaran | SK MACHANG BUBOK          | Ikut Jadual                   |
| 52          | Kementerian Pelajaran | SMK PERMAI INDAH          | Sudah Siap                    |
| 53          | Kementerian Pelajaran | SMK TAMAN PERWIRA         | Ikut Jadual                   |
| 54          | Kementerian Pelajaran | SMJKC JIT SIN             | Sudah Siap                    |
| 55          | Kementerian Pelajaran | SK KAMPUNG BARU           | Sudah Siap                    |
| 56          | Kementerian Pelajaran | SK SUNGAI RAMBAI          | Sudah Siap                    |
| 57          | Kementerian Pelajaran | SJKC KAY SIN              | Sudah Siap                    |
| 58          | Kementerian Pelajaran | SK ALMA JAYA              | Sudah Siap                    |

**SENARAI PROJEK RMK-S DI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM**

| No. | Kementerian                               | Nama Projek   | Kemajuan Semasa |
|-----|---|---|-----------------|
| 59  | Kementerian Pelajaran                     | SK JUARA  | Sudah Siap      |
| 60  | Kementerian Pelajaran                     | SK MACHANG BUBOK  | Iikut Jadual    |
| 61  | Kementerian Pelajaran                     | SIKT BUKIT MERTAJAM   | Sudah Siap      |
| 62  | Kementerian Pelajaran                     | SMK TINGGI BUKIT MERTAJAM   | Iikut Jadual    |
| 63  | Kementerian Pelajaran                     | SMK BERAPIT   | Sudah Siap      |
| 64  | Kementerian Pelajaran                     | SMK BUKIT MERTAJAM  | Iikut Jadual    |
| 65  | Kementerian Pelajaran                     | SMK TINGGI BUKIT MERTAJAM   | Iikut Jadual    |
| 66  | Kementerian Pelajaran                     | SMK CONVENT (M) BUKIT MERTAJAM  | Iikut Jadual    |
| 67  | Kementerian Kesihatan                     | KLINIK KESIHATAN (JENIS 3)<br>BUKIT MINYAK, SEBERANG PERAI TENGAH (BARU)        | Dahului Jadual  |
| 68  | Kementerian Kesihatan                     | MENAICKTARAF PERKHIDMATAN HAEMODALISIS HOSPITAL BUKIT MERTAJAM, ST.             | Lewat Jadual    |
| 69  | Kementerian Kesihatan                     | KLINIK PERGIGIAN STATIK,<br>SEKOLAH KEBANGSAAN ALMA JAYA, ST.                   | Sudah Siap      |
| 70  | Kementerian Kesihatan                     | KLINIK PERGIGIAN STATIK,<br>SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) KEOW KUANG, ST. | Sudah Siap      |
| 71  | Kementerian Kesihatan                     | PASUKAN PERGIGIAN PRA SEKOLAH, KLINIK PERGIGIAN HOSPITAL BUKIT MERTAJAM, ST.    | Sudah Siap      |
| 72  | Kementerian Kesihatan                     | PASUKAN PERGIGIAN PENCEGAHAN, KLINIK PERGIGIAN HOSPITAL BUKIT MERTAJAM, ST.     | Sudah Siap      |
| 73  | Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan | NAIK TARAF TAMAN AWAM MALLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, P. PINANG                | Sudah Siap      |
| 74  | Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan | IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PULAU PINANG                    | Iikut Jadual    |

**SENARAI PROJEK RMK-9 DI PARLIMEN BUKIT MERTAJAM**

| <b>Bil.</b> | <b>Kementerian</b>        | <b>Nama Projek</b>  | <b>Status Kemajuan Semasa</b> |
|-------------|---------------------------|---|-------------------------------|
| 75          | Kementerian Belia & Sukan | PROGRAM PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN) BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG | Dahului Jadual                |
| 76          | Kementerian Belia & Sukan | GELANGGANG RAKYAT KBS - BERAPIT   | Dahului Jadual                |
| 77          | Kementerian Belia & Sukan | GELANGGANG RAKYAT KBS - MACHANG BUBUK   | Dahului Jadual                |
| 78          | Kementerian Belia & Sukan | GELANGGANG RAKYAT KBS - PADANG LALANG   | Dahului Jadual                |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**      **BUKAN LISAN**

**DARIPADA**      **PUAN CHONG ENG**

**TARIKH**

**SOALAN**

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah permit yang diberikan kepada pengusaha van kilang di Pulau Pinang, adakah jumlah permit berkadar dengan bilangan pekerja kilang dalam negeri, jika tidak, apakah rancangan untuk meningkatkan permit dan mengapa hanya 2 permit dibenarkan kepada syarikat milikan tunggal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permit yang telah diberikan kepada pengusaha bas pekerja di Pulau Pinang adalah 2,113 lesen. Pecahan pemberian lesen bas pekerja di Pulau Pinang mengikut jenis milikan adalah seperti berikut:

| Jenis Milikan      | Bilangan Lesen |
|--------------------|----------------|
| Syarikat Sdn. Bhd. | 536            |
| Syarikat Berhad    | 4              |

|                            |              |
|----------------------------|--------------|
| Badan Berkanun             | 2            |
| Perkongsian                | 189          |
| Milikan Tunggal / Individu | 1,382        |
| <b>JUMLAH</b>              | <b>2,113</b> |

Jumlah lesen yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada jumlah permohonan daripada pemohon lesen dan antara syarat permohonan lesen adalah mengemukakan kontrak daripada pihak yang memerlukan perkhidmatan termasuk kilang. Sehubungan itu, pengeluaran lesen bas pekerja oleh LPKP adalah mengikut keperluan dan tidak berlaku lebihan atau pengurangan penawaran perkhidmatan.

LPKP menetapkan dasar membenarkan hanya 2 lesen bas pekerja bagi pemilikan individu atas justifikasi berikut:

- o menggalakkan individu menujuhkan syarikat untuk memperkembangkan perniagaan mereka;
- o memudahkan aktiviti pengawalan dan penguatkuasaan; dan
- o mengelakkan berlakunya aktiviti pajakan lesen. Pemilikan lesen individu dibenarkan untuk menggalakkan pemandu memiliki perniagaan sendiri.

Sehubungan itu, LPKP tidak bercadang untuk mengubah dasar ini memandangkan dasar yang sedia ada ini masih relevan dengan perkembangan industri. LPKP sentiasa menasihatkan pengusaha-

pengusaha bas pekerja agar menubuhkan syarikat sendirian berhad bagi memperkembangkan lagi perniagaan mereka.

34  
**SOALAN NO: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. PUAN CHONG ENG

SOALAN:

**Y.B. Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapa 100,000 pekerja asing diberi permit kerja di Malaysia sejak Oktober lalu apabila negara menghadapi pengangguran kira-kira 3.6% ataupun lebih 415,000 rakyat Malaysia tiada pekerjaan mengikut laporan statistik 2009.

PR-1231-T35718

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Kerajaan untuk memberikan permit 100,000 kepada pekerja asing sejak Oktober lalu adalah merupakan keputusan Jemaah Menteri kerana wujudnya permintaan daripada majikan yang amat memerlukan gunatenaga pada kadar yang segera dan mendesak disebabkan peningkatan permintaan ke atas barang keluaran Malaysia. Kelulusan yang diberikan hanyalah bagi sektor perkilangan sub sektor elektrik dan elektronik, tekstil, plastik, sarung tangan getah dan perabot sahaja. Bagi makluman Yang Berhormat, jawatan yang ditawarkan kepada pekerja asing ini adalah melibatkan pekerjaan yang tidak diminati oleh pekerja tempatan seperti operator kilang perabot, plastik, sarung tangan getah dan kilang pakaian.

Tuan Yang Di Pertua,

Kelulusan pengambilan pekerja asing tersebut adalah bagi memenuhi keperluan yang mendesak pada ketika itu dan adalah merupakan langkah sementara. Sehubungan syarat tambahan menghendakkan majikan yang memohon perlu mencantumkan:

- i. Strategi syarikat untuk meningkatkan pengajian pekerja tempatan untuk tempoh 2 tahun.
- ii. Strategi syarikat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing untuk tempoh 2 tahun.

Syarat tambahan adalah merupakan satu bentuk persetujuan oleh majikan untuk mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing dan menggalakkan majikan mendapatkan pekerja tempatan. Strategi tersebut dapat digunakan sebagai rujukan sekiranya majikan membuat pemohonan untuk mendapatkan pekerja asing pada masa hadapan.

NO. AUM : 3635

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]**

**RUJUKAN : 2496**

**TARIKH : -**

**Y. B. Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab kelewatan keputusan permohonan pengesahan taraf kewarganegaraan oleh pemohon bernama Yee Choo Khai dengan nombor Kad Pengenalan 780920105965 kewarganegaraan yang dikemukakan sejak bulan Julai, 2001.

## JAWAPAN

Keputusan permohonan pengesahan taraf kewarganegaraan Encik Yee Choo Kai (No.KP: 780920-10-5965) yang dikemukakan pada bulan Julai 2001 telah dikeluarkan melalui surat Jabatan Pendaftaran Negara bertarikh 23 Julai 2001. Oleh itu jelas dalam hal ini, tidak timbul isu kelewatan mengeluarkan keputusan kepada subjek seperimana dibangkitkan oleh Y.B. Puan Fong Po Kuan.

**NO. SOALAN : 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**

**DARIPADA :** **PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran perbelanjaan dan projek yang telah diluluskan untuk kawasan Parlimen Batu Gajah bagi tahun 2009 dan 2010 dan kedudukan projek tersebut.

**JAWAPAN :**

Terdapat 56 projek pembangunan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dengan jumlah siling peruntukan sebanyak RM773,595,012.00 di Parlimen Batu Gajah. Sehingga 15 Mac 2010, jumlah perbelanjaan adalah RM597,339,948.00 (77.2%). Sebanyak 21 projek (37.5%) sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan manakala 35 projek (62.5%) telah siap.

**SUMBER DAN PENGELUARAN RAKYAT DI PERLEMBAGA BATU GAJAH**

| No | Kementerian                                     | Nama Projek   | Perbelanjaan (RM) | Status Kemajuan Semasa |
|----|---|---|-------------------|------------------------|
| 1  | Jabatan Perdana Menteri                         | PEMBINAAN PEJABAT JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI PERAK                                       | 8,560,154         | Siap                   |
| 2  | Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah      | KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) SERI ISKANDAR  | 2,407,434         | Siap                   |
| 3  | Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah      | PUSAT GIAT BATU GAJAH   | 39,651            | Iikut Jadual           |
| 4  | Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar          | PENGUKURAN REZAB HIDUPAN LAR BATU GAJAH   | 99,905            | Dahului Jadual         |
| 5  | Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri | PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN PERAK (G)   | 971,400           | Siap                   |
| 6  | Kementerian Kerja Raya                          | MEMPERELOKKAN KAWASAN MERBAHAYA DILALUAN JALAN NEGERI DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN - PERAK | 16,468,751        | Iikut Jadual           |
| 7  | Kementerian Kerja Raya                          | NAIKTARAF LALUAN GOPENG - SIPUTEH, DAERAH KINTA   | 93,434,511        | Iikut Jadual           |
| 8  | Kementerian Pelajaran                           | SK SULTAN YUSUFF, BATU GAJAH  | 332,000           | Siap                   |
| 9  | Kementerian Pelajaran                           | SK TRONOH,  | 71,257            | Siap                   |
| 10 | Kementerian Pelajaran                           | SK TALANG   | 71,257            | Siap                   |
| 11 | Kementerian Pelajaran                           | SK ARA PANJANG  | 100,000           | Siap                   |
| 12 | Kementerian Pelajaran                           | SJK C BEMBAN, B.GAJAH   | 144,339           | Siap                   |
| 13 | Kementerian Pelajaran                           | SJK T MENGLEMBU   | 36,991            | Siap                   |
| 14 | Kementerian Pelajaran                           | SJK T TRONOH  | 35,000            | Siap                   |
| 15 | Kementerian Pelajaran                           | SK.SULTAN YUSUF, BT GAJAH   | 157,500           | Siap                   |
| 16 | Kementerian Pelajaran                           | SJK C BUKIT MERAH   | 1,857,700         | Dahului Jadual         |
| 17 | Kementerian Pelajaran                           | SK TOH INDERA WANGSA AHMAD  | 37,359            | Iikut Jadual           |
| 18 | Kementerian Pelajaran                           | SJK(C) JELAPANG   | 19,970            | Dahului Jadual         |
| 19 | Kementerian Pelajaran                           | SJK(C) KAMPONG BALI   | 18,997            | Dahului Jadual         |
| 20 | Kementerian Pelajaran                           | SK SIPUTEH  | 38,471            | Iikut Jadual           |
| 21 | Kementerian Pelajaran                           | SK PUSING   | 37,964            | Iikut Jadual           |
| 22 | Kementerian Pelajaran                           | SJK(C) YIT CHEE   | 38,132            | Iikut Jadual           |
| 23 | Kementerian Pelajaran                           | SJK(T) CHANGKAT   | 38,142            | Iikut Jadual           |
| 24 | Kementerian Pelajaran                           | SK LAYANG-LAYANG KIRI   | 50,000            | Siap                   |
| 25 | Kementerian Pelajaran                           | SK SERI TRONOH  | 105,283           | Siap                   |
| 26 | Kementerian Pelajaran                           | SMK PUSING  | 94,718            | Siap                   |
| 27 | Kementerian Pelajaran                           | SMK LAHAT   | 87,580            | Siap                   |
| 28 | Kementerian Pelajaran                           | SMK TOH INDERA WANGSA AHMAD   | 152,793           | Siap                   |
| 29 | Kementerian Pelajaran                           | SMK SERI KELEDANG   | 250,607           | Siap                   |
| 30 | Kementerian Pelajaran                           | SMK SULTAN YUSSUF   | 1,032,318         | Siap                   |

**SENARAI PROJEK RMK-9 DI PARLIMEN BATU GAJAH**

|    | Kementerian                               | Nama Projek  | Perbelanjaan (RM) | Status Kemajuan Semasa             |
|----|---|--|-------------------|------------------------------------|
| 31 | Kementerian Pelajaran                     | SMK DATO` BENDAHARA C M YUSUF                                      | 152,793           | Siap                               |
| 32 | Kementerian Pelajaran                     | SMK TRONOH   | 44,069            | Siap                               |
| 33 | Kementerian Pelajaran                     | SK ST BERNADETTE, BATU GAJAH                                       | 110,000           | Siap                               |
| 34 | Kementerian Pelajaran                     | SMK ST BERNADETTE'S CONVENT, BATU GAJAH.                           | 190,000           | Siap                               |
| 35 | Kementerian Kesihatan                     | N/T Jabatan Pesakit Luar Hospital Batu Gajah                       | 0                 | Lewat Jadual (Dalam Proses Tender. |
| 36 | Kementerian Kesihatan                     | STOR INTERGRASI HOSPITAL BATU GAJAH                                | 0                 | Sambungan ke RMK-10)               |
| 37 | Kementerian Kesihatan                     | BANGUNAN SUCIHAMA (CSSD) HOSPITAL BATU GAJAH                       | 0                 |                                    |
| 38 | Kementerian Kesihatan                     | NAIK TARAF UNIT KECEMASAN HOSPITAL BATU GAJAH.                     | 0                 |                                    |
| 39 | Kementerian Kesihatan                     | PPB BATU GAJAH   | 60,000            | Siap                               |
| 40 | Kementerian Kesihatan                     | PPB KINTA  | 60,000            | Siap                               |
| 41 | Kementerian Kesihatan                     | N/T KLINIK PERGIGIAN BATU GAJAH, KINTA                             | 233,000           | Siap                               |
| 42 | Kementerian Kesihatan                     | N/T KLINIK PERGIGIAN PASIR PINJI, KINTA                            | 233,000           | Siap                               |
| 43 | Kementerian Kesihatan                     | N/T KLINIK PERGIGIAN CHEMOR, KINTA                                 | 233,000           | Siap                               |
| 44 | Kementerian Kesihatan                     | N/T KP STATIK SR (C) WAN HWA I & II, MENGELEMBU, IPOH              | 80,000            | Siap                               |
| 45 | Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan | NAIK TARAF TAMAN AWAM MAJLIS DAERAH KERIAN, PERAK                  | 299,768           | Siap                               |
| 46 | Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan | PEMBANGUNAN LANDSKAP DI JALAN KINTA BARAT ,PERAK                   | 20,775            | Siap                               |
| 47 | Kementerian Belia & Sukan                 | GELANGGANG RAKYAT KBS - JELAPANG                                   | 300,000           | Siap                               |
| 48 | Kementerian Belia & Sukan                 | GELANGGANG RAKYAT KBS - MENGELEMBU                                 | 141,268           | Siap                               |
| 49 | Kementerian Belia & Sukan                 | GELANGGANG RAKYAT KBS - TRONOH                                     | 300,000           | Siap                               |
| 50 | Kementerian Pertahanan                    | PENINGKATAN STOR SENJATA RKPT KEM CHANGKAT BATU GAJAH PERAK        | 399,990           | Siap                               |
| 51 | Kementerian Pertahanan                    | PROJEK PENINGKATAN DAN UBAHSUAI KEM-KEM ATM DI SELURUH MALAYSIA    | 33,960,593        | Ikut Jadual                        |
| 52 | Kementerian Dalam Negeri                  | PEMBAIKAN &UBAHSUAI KUARTES DAN PEJABAT BRIGED UTARA PGA ULU KINTA | 1,251,339         | Lewat Jadual                       |

**SENARAI PROJEK KRAK-6 DI PARLIMEN BATU GAJAH**

| No. | Kementerian                  | Nama Projek   | Pembelanjaan (RM)  | Status Kemajuan Seingga |
|-----|------------------------------|---|--------------------|-------------------------|
| 53  | Kementerian Pengangkutan     | PEMBINAAN WORKSHOP DAN PUSAT LATIHAN KTMB DI BATU GAJAH                         | 425,777,178        | Siap                    |
| 54  | Kementerian Pengajian Tinggi | UITM PUSAT LATIHAN KAMPUNG GAJAH, PERAK (PERPUSTAKAAN, ASRAMA, KEMUDAHAN SUKAN) | 6,703,000          | Dahului Jadual          |
|     |                              | <b>JUMLAH</b>   | <b>597,880,948</b> |                         |

**SOALAN NO. ( 37 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. PUAN FONG PO KUAN  
(BATU GAJAH)**

**SOALAN :**

**Y.B. PUAN FONG PO KUAN (BATU GAJAH)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** Menyatakan sebab kelewatan perlaksanaan projek pembinaan balai bomba di Bukit Gambir, Muar dan nyatakan kos projek dan bilakah ia akan disiapkan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang DiPertua,

Projek pembinaan Balai Bomba dan Kuarters Bukit Gambir yang dimulakan pada 17/03/2008 telah tidak dapat disiapkan seperti dijadualkan pada 23/08/2009. Antara masalah yang dikenalpasti termasuklah pengurusan syarikat yang melibatkan pengawasan kerja di tapak, bayaran di antara kontraktor utama dengan sub-kontraktor serta kekurangan tenaga pekerja di tapak.

Selain itu, terdapat beberapa perubahan reka bentuk berdasarkan keadaan sebenar di tapak serta kehendak dan keperluan dari pihak agensi seperti JKR (su jalan & longkang) dan JPS (su longkang).

Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam jangka masa satu tahun (12 bulan) selepas pelantikan semula kontraktor penyelamat yang dibuat dan ianya dijangka dapat disiapkan pada Jun 2011.

Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan projek dapat disiapkan seperti berikut :-

- Dijangka mengambil langkah menamatkan kontraktor sedia ada dan melantik kontraktor penyelamat bagi meneruskan pembinaan ini.
- Memantau pelaksanaan projek dengan lebih berkesan pada setiap bulan sehingga projek siap sepenuhnya.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan  
April 2010

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. PUAN FONG PO KUAN**  
**[ BATU GAJAH ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian akan mengkaji semula syarat penukaran guru sekolah rendah dengan memberi kelonggaran kepada guru yang menetap berhampiran dengan sekolah yang mereka mengajar agar ia dapat mempertingkatkan produktiviti mereka.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mempunyai dasar-dasar yang telah diperakukan dalam proses pertukaran guru sama ada di sekolah menengah maupun sekolah rendah. Kepentingan keperluan opsyen diutamakan bagi menjamin pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Walau bagaimanapun, di dalam melaksanakan pertukaran guru ini juga, KPM mengambil kira penempatan guru mengikut tempat yang dipohon sekiranya ada keperluan di tempat berkenaan.

NO SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB PUAN FONG PO KUAN

**SOALAN :**

Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jabatan, kementerian dan agensi Kerajaan yang diadu terbanyak oleh orang ramai berkenaan dakwaan rasuah mengikut aturan. Berapakah kes yang telah diambil tindakan dan pegawai yang terlibat didakwa di Mahkamah dan disabit.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2009, berdasarkan siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), pihak Polis Diraja Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, Pejabat Tanah Daerah, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah merupakan 5 agensi Kerajaan yang paling banyak disiasat oleh SPMR.

Walaupun bilangan siasatannya tinggi, ia bukanlah merupakan keadaan sebenar tahap rasuah dalam agensi/jabatan yang berkenaan memandangkan terdapat beberapa faktor lain seperti faktor keanggotaan dan interaksi dengan masyarakat yang akan mempengaruhi jumlah siasatan yang dijalankan terhadap sesuatu agensi/jabatan yang berkaitan. Jika faktor keanggotaan diambil kira, bilangan yang dinyatakan adalah rendah peratusannya jika dibandingkan dengan keseluruhan keanggotaan dalam agensi/jabatan berkenaan.

### **Siasatan, Pertuduhan dan Sabitan Kes-kes Rasuah**

#### **5 Agensi Kerajaan SPRM Tahun 2009**

| <b>Jabatan/Agenzi</b> | <b>Siasatan</b> | <b>Tuduhan</b> | <b>Sabitan</b> |
|-----------------------|-----------------|----------------|----------------|
| PDRM                  | 111             | 36             | 21             |
| Kementerian Pelajaran | 36              | 3              | 3              |
| Pejabat Tanah Daerah  | 13              | 4              | 0              |
| Majlis Perbandaran    | 10              | 0              | 4              |
| Majlis Daerah         | 6               | 1              | 4              |

Sekian. Terima kasih.

NO. AUM : 4140

NO. AUF :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** 2497

**SOALAN :**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

(a) pecahan pendatang tanpa izin mengikut kewarganegaraan dan jantina yang ditahan dalam pusat tahanan pendatang tanpa izin di Malaysia daripada tahun 2000, 2001, 2002, 2003, 2004, 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010; dan

(b) di antara angka tersebut, sila nyatakan tahanan yang telah dihantar balik ke negara asal bagi tahun-tahun yang dinyatakan mengikut kewarganegaraan dan jantina.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod kemasukan tahanan di depot tahanan disediakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bermula tahun 2007 seramai 130,178 orang, tahun 2008 seramai 121,370 orang, dan tahun 2009 seramai 84,079 orang.
- b) Jumlah tahanan yang telah diusir bagi tempoh yang sama pula adalah 57,490 orang bagi tahun 2007, sejumlah 60,800 orang bagi tahun 2008 dan sejumlah 46,641 orang bagi tahun 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai rekod menyeluruh pecahan kemasukan tahanan mahupun pengusiran mengikut kewarganegaraan mahupun jantina.

NO AUM : 42/41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]

**TARIKH :** .....

**RUJUKAN :** 2498

**SOALAN :**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan memberi pecahan bilangan laporan polis berkenaan kes jenayah yang berkaitan dengan keganasan seks (rogol, liwat, sumbang/incest) sejak tahun 2005 sehingga 2009. Sila nyatakan berapa kes di mana pesalah ditangkap dan berapa pesalah telah didakwa ke mahkamah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kes jenayah keganasan seks yang dilaporkan dari tahun 2005 sehingga 2009 adalah seperti berikut :

| <b>TAHUN / JENAYAH</b> | <b>2005</b>  | <b>2006</b>  | <b>2007</b>  | <b>2008</b>  | <b>2009</b>  |
|------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| ROGOL                  | 1,931        | 2,431        | 3,098        | 3,409        | 3,626        |
| LIWAT                  | 202          | 180          | 231          | 243          | 227          |
| INCES                  | 294          | 332          | 360          | 334          | 385          |
| <b>JUMLAH</b>          | <b>2,427</b> | <b>2,943</b> | <b>3,689</b> | <b>3,986</b> | <b>4,238</b> |

Manakala jumlah tangkapan bagi kes keganasan seks dari tahun 2005 sehingga 2009 adalah seperti berikut :

| TAHUN / JENAYAH | 2005  | 2006  | 2007  | 2008  | 2009  |
|-----------------|-------|-------|-------|-------|-------|
| ROGOL           | 1,221 | 1,554 | 2,061 | 2,261 | 2,301 |
| LIWAT           | 79    | 66    | 141   | 163   | 149   |
| INCES           | 204   | 217   | 247   | 232   | 251   |
| JUMLAH          | 1,504 | 1,837 | 2,649 | 2,656 | 2,701 |

Tuan Yang Dipertua,

Statistik pesalah yang telah didakwa di mahkamah adalah seperti berikut :

| TAHUN / JENAYAH               | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 |
|-------------------------------|------|------|------|------|------|
| ROGOL                         | 267  | 369  | 259  | 184  | 162  |
| LUAR TABII<br>(LIWAT & INCES) | 41   | 41   | 45   | 44   | 25   |
| JUMLAH                        | 308  | 410  | 304  | 228  | 187  |

NO. AUM : ~~43~~ 42

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2499**

**SOALAN :**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) pecahan pendatang asing tanpa izin yang mati semasa ditahan di pusat tahanan pendatang tanpa izin di Malaysia mengikut jantina, umur dan kewarganegaraan mereka sejak tahun 2000 sehingga 2009; dan
  
- (b) berapa di antara mereka mati kerana menghidapi penyakit Leptospirosis dan penyakit manakah yang menyumbang paling banyak kematian pendatang tanpa izin dalam pusat tahanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DI-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mempunyai rekod bilangan tahanan yang mati dalam Depot Imigresen untuk tahun-tahun 2000 hingga 2004. Ini memandangkan pada tahun-tahun tersebut Jabatan Imigresen Malaysia belum mengambil alih pengurusan depot-depot berkenaan. Walau bagaimanapun, sejumlah 78 tahanan telah mati dalam Depot Imigresen sejak tahun 2005 hingga 2009. Pecahan bilangan mengikut warganegara dan jantina adalah seperti berikut:
- i. 32 tahanan warganegara Myanmar yang kesemuanya merupakan lelaki;
  - ii. 12 tahanan warganegara Indonesia yang mana 8 adalah lelaki, 2 adalah wanita dan 2 kanak-kanak;
  - iii. 11 tahanan warganegara India yang mana 10 adalah lelaki dan 1 wanita;
  - iv. 11 tahanan warganegara Bangladesh yang kesemuanya merupakan lelaki;

- v. 4 tahanan warganegara Kemboja yang kesemuanya merupakan lelaki;
  - vi. 2 tahanan warganegara Vietnam yang kesemuanya merupakan lelaki; dan
  - vii. Masing-masing 1 tahanan lelaki dari Thailand, Nigeria, Togo, Pakistan, Liberia dan Filipina.
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia hanya mempunyai rekod kematian tahanan yang terperinci sejak mengambil alih pengurusan Depot Imigresen bermula tahun 2008. Dari tempoh tahun 2008 hingga 2009, rekod Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan sebanyak 4 kematian telah disebabkan oleh penyakit *Leptospirosis*. Manakala penyakit yang dikenalpasti sebagai penyebab paling banyak kematian tahanan adalah sakit jantung dan *Ischaemic Heart Disease* dengan masing-masing 3 kematian.

NO. AUM : 2473

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** 2500

**SOALAN :**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan warga Malaysia yang bermastautin melebihi tempoh (over stay) di luar negara. Sila beri pecahan negara yang mereka tinggal dan jumlah yang didakwa ataupun dihantar balik oleh pihak imigresen negara asing akibat bermastautin melebihi tempoh yang sah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai rekod bilangan warganegara Malaysia yang tinggal melebihi tempoh (*overstay*) di luar negara. Ini kerana bidang tugas Jabatan Imigresen Malaysia secara amnya merangkumi aspek kemasukan, keberadaan dan pemergian dari negara ini dan tidak meliputi hal ehwal di luar negara.

NO. AUM : 45 44

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** 2501

**SOALAN:**

Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perbezaan di antara Penjara dan Pusat Tahanan Pendatang Tanpa Izin dari segi akses perkhidmatan kesihatan, kebersihan, makanan, pakaian dan sebagainya. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah kematian dalam Penjara dan Pusat Tahanan Pendatang Tanpa Izin.

**Jawapan:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Seputeh yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan bahawa aspek kesihatan, kebersihan, pemakanan, pakaian serta lain-lain kemudahan untuk penghuni penjara dan tahanan Depot Imigresen amat diutamakan oleh Jabatan Penjara dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Sebelum penghuni ditempatkan di sesebuah penjara, pemeriksaan akan dilakukan oleh pegawai kesihatan untuk memastikan saiz bilik atau sel, pengudaraan dan pencahayaan adalah sesuai untuk menempatkan jumlah penghuni yang bersesuaian.

Semua penghuni yang baru dimasukkan ke institusi penjara adalah diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan termasuklah ujian darah. Seterusnya pemeriksaan dan rawatan terhadap penghuni yang memerlukan rawatan lanjut, akan dilaksanakan melalui khidmat doktor panel penjara atau hospital kerajaan termasuklah rawatan pakar.

Prosedur yang hampir sama juga dijalankan semasa proses kemasukan tahanan ke Depot Tahanan Imigresen. Saringan awal kesihatan oleh pegawai kesihatan yang bertugas akan dilakukan ke atas setiap Pendatang Tanpa Izin sebelum diterima masuk sepenuhnya ke depot. Sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah kesihatan dan memerlukan rawatan lanjut, ia akan terus dirujuk kepada hospital yang berhampiran.

Dalam melaksanakan pemulihan dan penahanan, kebersihan adalah amat penting bagi Jabatan Penjara serta dijadikan antara aspek penting dalam pembentukan disiplin penghuni penjara. Jabatan Penjara dari masa ke semasa akan diperiksa oleh Jabatan Kesihatan, Lembaga Hakim Pelawat dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia untuk memastikan aspek kebersihan sentiasa dipentingkan oleh pengurusan penjara.

Bagi depot tahanan pula, selain daripada kebersihan dan kekemasan diri tahanan, pihak pengurusan juga turut mengambil berat tentang kebersihan blok-blok tahanan. Ini dibuktikan melalui kerja-kerja pembersihan blok yang dijalankan sendiri oleh tahanan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

Dari aspek makanan, penyediaan makanan oleh Jabatan Penjara adalah berdasarkan diet seimbang yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan serta diwartakan. Di Depot Tahanan Imigresen pula penyediaan makanan adalah ditentukan oleh Kementerian dalam Negeri yang bertanggungjawab melantik kontraktor pembekal makanan bermasak melalui proses tender. Seterusnya menu makanan akan dipantau dari masa ke semasa oleh Komandan depot masing-masing. Penyediaan makanan di depot tahanan juga turut mengambil kira latar belakang dan sensitiviti tahanan.

Keperluan pakaian yang disediakan oleh Jabatan Penjara adalah berasaskan keperluan bersesuaian dengan iklim setempat serta aktiviti dan program pemulihan yang diikuti oleh penghuni. Manakala bagi tahanan di Depot Tahanan Imigresen mereka dibekalkan set pakaian yang tertera “TAHANAN IMIGRESEN” bagi memudahkan pegawai bertugas mengenalpasti tahanan.

Bagi mengelakkan berlakunya kematian di dalam penjara dan depot tahanan, beberapa langkah dan prosedur telah dilaksanakan iaitu:

- i. Menyediakan perkhidmatan doktor panel di seluruh institusi penjara bagi tujuan memeriksa dan merawat penghuni;
- ii. Melaksanakan pemeriksaan kesihatan bagi semua penghuni penjara dan tahanan depot semasa kemasukan;

- iii. Menyediakan prosedur mempercepatkan rawatan kesihatan di hospital luar penjara;
- iv. Menyediakan kemudahan sick-bay dan meningkatkan kemudahan ubat dan peralatan untuk klinik dalam penjara;
- v. Mengadakan kerjasama di antara Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan bagi pengisian jawatan Pembantu Perubatan Gred U29 di setiap Depot Tahanan Imigresen.
- vi. Melatih anggota penjara sebagai *medical-orderly* untuk mengawal pemberian ubat dan menyelia keperluan rawatan lanjut penghuni;
- vii. Menyediakan kemudahan Sistem Maklumat HIV (SIMHIV) di Jabatan Penjara iaitu sistem maklumat kesihatan yang boleh digunakan bersama oleh Kementerian Kesihatan yang terlibat membuat pemeriksaan, rawatan serta aktiviti untuk penghuni pengidap HIV; dan
- viii. Jabatan Imigresen sedaya upaya berusaha untuk melaksanakan proses pengusiran ke negara asal tahanan dengan segera dan seterusnya mengelakkan tahanan tersebut menjadi bebanan kepada kerajaan.

**SOALAN NO.45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]**

**SOALAN:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) menyatakan setakat 31 Disember 2009, bilangan pengundi biasa dan pengundi postal di kawasan Parlimen Stampin dan ketiga-tiga kawasan Dewan Undangan Negeri di dalam kawasan Parlimen Stampin, ianya Batu Lintang, Kota Sentosa dan Batu Kawah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan Daftar Pemilih Induk 2009 yang diwartakan pada 25 Februari 2010, jumlah pengundi berdaftar bagi bahagian pilihan raya Parlimen Stampin adalah 71,616 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan pengundi biasa adalah seramai 68,648 orang manakala pengundi pos adalah seramai 2,968 orang.

Bagi jumlah pengundi mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri pula, DUN Batu Lintang mempunyai seramai 26,924 orang pengundi kesemuanya, yang mana terdiri daripada 26,861 orang pengundi awam dan 63 orang pengundi pos, DUN Kota Sentosa mempunyai seramai 25,196 orang pengundi (23,061 orang pengundi awam dan 2,135 orang pengundi pos) dan DUN Batu Kawah mempunyai seramai 19,496 orang pengundi, yang terdiri daripada 18,726 orang pengundi awam dan 770 orang pengundi pos.

**SOALAN NO: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai badan-badan yang telah terima peruntukan dari Peruntukan Khas bagi kawasan Bandar Kuching untuk tahun 2009.

**JAWAPAN:**

Badan-badan yang telah menerima peruntukan dari Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Bandar Kuching untuk tahun 2009 adalah seperti mana berikut:

**SENARAI NAMA PENERIMA BAGI KAWASAN PARLIMEN KUCHING**  
**TAHUN 2009**

| BIL | NAMA PENERIMA                                   |
|-----|---|
| 1   | KUCHING DIVISION TRAWLER'S ASSOCIATION          |
| 2   | PLATUN 261 RELA MALAYSIA                        |
| 3   | PERSATUAN KEBAJIKAN AM SARAWAK                  |
| 4   | UNIT SABERKAS BDC                               |
| 5   | UNIT SABERKAS MJC                               |
| 6   | NAN YEN FOLK ORCHESTRA                          |
| 7   | TEO KHIAW CLUB                                  |
| 8   | THE CARNATION CLUB OF KUCHING & SAMARAHAN       |
| 9   | J/K MASJID & SURAU BAHAGIAN KUCHING             |
| 10  | MALAYSIAN FO KUONG BUDDHIST ASSOCIATION SARAWAK |
| 11  | PERSATUAN TAIJI QIGONG SHIBASHI SIBURAN         |
| 12  | PERSATUAN MUZIK ORKESTRA TRADISI                |
| 13  | PERSATUAN KEBAJIKAN AM SARAWAK (KEBASA)         |
| 14  | UNIT SABERKAS JALAN ENSING                      |

**SOALAN NO: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan khas bagi kawasan Bandar Kuching untuk tahun 2010 dan berapakah cadangan atau permohonan telah diterima oleh Kerajaan untuk peruntukan dari dana itu.

**JAWAPAN:**

Bagi tahun 2010, kawasan Parlimen Bandar Kuching telah diperuntukkan sebanyak RM500,000.00 dari Peruntukan Khas Y.A.B. Perdana Menteri. Sehingga kini Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak telah menerima beberapa permohonan yang sedang dalam pertimbangan.

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA :** TUAN CHONG CHIENG JEN  
[BANDAR KUCHING]

**SOALAN :**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan pembangunan telah diperuntukkan untuk kawasan Parlimen Bandar Kuching dalam tahun 2009 dan 2010. Apakah senarai projek-projek pembangunan itu.

**JAWAPAN :**

Sehingga 18 Mac 2010, berdasarkan rekod Sistem Pemantauan Projek II (SPP II), sebanyak 111 projek telah dilaksanakan di Parlimen Kuching, Sarawak dengan siling berjumlah RM 889,409,609.69. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 178,668,427.08 telah diperuntukkan bagi 2009 dengan jumlah projek sebanyak 51 projek. Senarai projek adalah seperti di Lampiran I. Bagi tahun 2010 pula, sebanyak RM 95,717,469.00 telah diperuntukkan dengan jumlah projek sebanyak 41 projek. Senarai projek di bawah peruntukan 2010 disertakan di Lampiran II.

| PERUNTUKAN | BIL PROJEK | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) |
|------------|------------|------------------------|
| 2009       | 51         | 178,668,427.08         |
| 2010       | 41         | 95,717,469.00          |

## SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RMK9 DI PARLIMEN BANDAR KUCHING SARAWAK BAGI PERUNTUKAN 2009

| BIL | KEM  | NAMA PROJEK  |
|-----|------|--|
| 1   | JPM  | PEMBELIAN/PEMBINAAN SEBUAH BANGUNAN PEJABAT LPKP SARAWAK (G)   |
| 2   | KPT  | NAIKTARAF POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS)   |
| 3   | KPKT | CADANGAN PENGINDAHAN SUNGAI BINTANGOR, SARAWAK   |
| 4   | KPPK | PEMBANGUNAN PRODUK DAN KEMUDAHAN KAWALAN KUALITI- PEMBANGUNAN KUALITI  |
| 5   | KPPK | PENINGKATAN KHIDMAT MAKLUMAT PASARAN - MENGHADIRI MESYUARAT ANTARABANGSA IPC DAN MESYUARAT TEMPATAN YANG BERKAITAN     |
| 6   | KPPK | PENINGKATAN KHIDMAT MAKLUMAT PASARAN - MELANGGAN PENERBITAN MAKLUMAT PASARAN & MENERBIT RISALAH DAN WARTA PASARAN LADA |
| 7   | KPPK | PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR R&D  |
| 8   | KPPK | PENGKOMERSILAN R&D   |
| 9   | MOA  | PROGRAM PENGAIRAN SARAWAK- IMBUHANBALIK  |
| 10  | MOA  | PEMBINAAN MAKMAL WILAYAH   |
| 11  | MOA  | PENTAKSIRAN & PEMBANGUNAN SUMBER PERIKANAN DI SARAWAK  |
| 12  | MOA  | TEKNOLOGI PENGETAHUAN  |

| BTI | KPM        | NAMA PROJEK   |
|-----|------------|---|
| 13  | MOA        | MAKLUMAT PASARAN GLOBAL - PEMADANAN BEKALAN PERMINTAAN SARAWAK                              |
| 14  | MOA        | PROMOSI DAN PENJENAMAAN NASIONAL - PROMOSI PASARAN DALAM NEGERI SARAWAK                     |
| 15  | KBS        | PUTUS KECERMERLANGAN AKUATIK DAN KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN SARAWAK                           |
| 16  | KBS        | GELANGGANG RAKYAT KBS - PADUNGAN  |
| 17  | KBS        | GELANGGANG RAKYAT KBS - PENDING   |
| 18  | KEMENTERAH | NAIKTARAF RUMAH SAKIT ANGKATAN TENTERA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KEM PENRISSEN KUCHING |
| 19  | KEMENTERAH | PEMBINAAN INFRA TUDM KUCHING  |
| 20  | KPM        | SK GREEN ROAD   |
| 21  | KPM        | SK KENYALANG  |
| 22  | KPM        | SK SONG KHENG HAI   |
| 23  | KPM        | SK TABUAN ULU   |
| 24  | KPM        | SK TABUAN HILIR   |
| 25  | KPM        | SJK BINTAWA   |
| 26  | KPM        | SJK SG. APONG   |
| 27  | KPM        | SK TABUAN ULU   |
| 28  | KPM        | SK LUMBA KUDA   |
| 29  | KPM        | JABATAN PELAJARAN NEGERI SARAWAK  |
| 30  | KPM        | SMK TABUAN JAYA   |
| 31  | KPM        | SMT MATANG  |
| 32  | MOF        | PEJABAT KASTAM KUCHING, SARAWAK   |
| 33  | MOF        | PEJABAT PENCEGAH KASTAM KUCHING SARAWAK   |

| BIL | KEM   | NAMA PROJEK  |
|-----|-------|--|
| 34  | MOH   | PERALATAN PERUBATAN PUSAT CARDIOLOGY DI HOSPITAL UMUM, SARAWAK                                 |
| 35  | KDN   | PUSAT SERENTI KUCHING SARAWAK  |
| 36  | KDN   | PUSAT LATIHAN PERTAHANAN AWAM NEGERI SARAWAK   |
| 37  | KDN   | PANGKALAN MARIN WILAYAH KUCHING, SARAWAK   |
| 38  | MOSTI | MEMBINA STESEN/KUARTERS BARU METEOROLOGI - PEJABAT METEOROLOGI CAWANGAN SARAWAK                |
| 39  | KKR   | JLN PENGHUBUNG KE PUSAT PENT.PERSEKUTUAN BARU SARAWAK  |
| 40  | KKR   | NAIKTARAF JALAN KUCHING-SIBU   |
| 41  | KKR   | PEJABAT DAERAH DI PELBAGAI DAERAH SARAWAK - PEJABAT DAERAH PADAWAN,SARAWAK                     |
| 42  | NRE   | PENILAIAN SUMBER ARANG BATU SABAH DAN SARAWAK, PEROLEHAN PERALATAN SARAWAK                     |
| 43  | NRE   | SURVEI GEOKIMIA RANTAU SARAWAK DAN SABAH, PERALATAN MAKMAL SARAWAK                             |
| 44  | NRE   | PEROLEHAN PERALATAN MINERAL PERINDUSTRIAN SARAWAK  |
| 45  | NRE   | PENINGKATAN TARAF DAN KEMUDAHAN MAKMAL JMG, PENINGKATAN TARAF DAN KEMUDAHAN MAKMAL JMG SARAWAK |

| BIL | KOD    | NAMA PROJEK  |
|-----|--------|--|
| 46  | NRE    | RANCANGAN TEBATAN BANIR BANDARAYA KUCHING                                |
| 47  | NRE    | RIVER INVENTORY AND MONITORING PROJECT                                   |
| 48  | KKLW   | JALAN SELAMPIT, LUNDU, SARAWAK   |
| 49  | KKLW   | GIATMARA STAMPIN, KUCHING SARAWAK  |
| 50  | KKLW   | PEMBELIAN RUMAH KEDAI KUCHING, SARAWAK (G)                               |
| 51  | MOTOUR | PEMBANGUNAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DI WATERFRONT KUCHING, FASA 2, SARAWAK |

## SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RMK9 DI PARLIMEN BANDAR KUCHING SARAWAK BAGI PERUNTUKAN 2010

| BIL | KEM  | NAMA PROJEK  |
|-----|------|--|
| 1   | JPM  | PERUMAHAN AWAM KEMENTERIAN KUCHING   |
| 2   | KPT  | NAIKTARAF POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS)   |
| 3   | KPKT | CADANGAN PENGINDAHAN SUNGAI BINTANGOR, SARAWAK   |
| 4   | KPPK | PEMBANGUNAN PRODUK DAN KEMUDAHAN KAWALAN KUALITI- PEMBANGUNAN KUALITI  |
| 5   | KPPK | PENINGKATAN KHIDMAT MAKLUMAT PASARAN - MENGHADIRI MESYUARAT ANTARABANGSA IPC DAN MESYUARAT TEMPATAN YANG BERKAITAN     |
| 6   | KPPK | PENINGKATAN KHIDMAT MAKLUMAT PASARAN - MELANGGAN PENERBITAN MAKLUMAT PASARAN & MENERBIT RISALAH DAN WARTA PASARAN LADA |
| 7   | KPPK | PENGKOMERSILAN R&D   |
| 8   | MOA  | PROGRAM PENGAIARAN SARAWAK- IMBUHANBALIK   |
| 9   | MOA  | PEMBINAAN MAKMAL WILAYAH   |
| 10  | MOA  | PENTAKSIRAN & PEMBANGUNAN SUMBER PERIKANAN DI SARAWAK  |
| 11  | MOA  | TEKNOLOGI PENGETAHUAN  |
| 12  | MOA  | PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN-PRASARANA PEMASARAN SARAWAK  |
| 13  | MOA  | HIP LADANG KONTRAK SARAWAK-FAMA  |
| 14  | MOA  | PROMOSI DAN PENJENAMAAN NASIONAL - PROMOSI PASARAN DALAM NEGERI SARAWAK  |

| BIL | KEMENTERIAN | NAMA PROJEK   |
|-----|-------------|---|
| 15  | MITI        | PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN SARAWAK (G)   |
| 16  | KEMENTERIAN | PEMBINAAN INFRA TUDM KUCHING  |
| 17  | KPM         | SMK Saribas   |
| 18  | KPM         | SMK Belawai   |
| 19  | KPM         | SMK Datuk Patinggi Kedit  |
| 20  | KPM         | SMK Penriksen   |
| 21  | KPM         | SMK Semerah Padi  |
| 22  | KPM         | SK GREEN ROAD   |
| 23  | KPM         | SK KENYALANG  |
| 24  | KPM         | SK SONG KHENG HAI   |
| 25  | KPM         | SK TABUAN ULU   |
| 26  | KPM         | SK TABUAN HILIR   |
| 27  | KPM         | SJK BINTAWA   |
| 28  | KPM         | SJK SG. APONG   |
| 29  | KPM         | SK TABUAN ULU   |
| 30  | KPM         | SK LUMBA KUDA   |
| 31  | KPM         | SMK TABUAN JAYA   |
| 32  | KPM         | SK TABUAN HILIR   |
| 33  | MOF         | PEJABAT KASTAM KUCHING, SARAWAK   |
| 34  | MOSTI       | MEMBINA STESEN/KUARTERS BARU METEOROLOGI - PEJABAT METEOROLOGI CAWANGAN SARAWAK |
| 35  | NRE         | PENILAIAN SUMBER ARANG BATU SABAH DAN SARAWAK, PEROLEHAN PERALATAN SARAWAK      |
| 36  | NRE         | SURVEI GEOKIMIA RANTAU SARAWAK DAN SABAH, PERALATAN MAKMAL SARAWAK              |

| BIL | KEM    | NAMA PROJEK  |
|-----|--------|--|
| 37  | NRE    | PEROLEHAN PERALATAN MINERAL PERINDUSTRIAN SARAWAK  |
| 38  | NRE    | PENINGKATAN TARAF DAN KEMUDAHAN MAKMAL JMG, PENINGKATAN TARAF DAN KEMUDAHAN MAKMAL JMG SARAWAK |
| 39  | NRE    | RANCANGAN TEBATAN BANJIR BANDARAYA KUCHING   |
| 40  | KKLW   | GIATMARA STAMPIN, KUCHING SARAWAK  |
| 41  | MOTOUR | PEMBANGUNAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DI WATERFRONT KUCHING, FASA 2, SARAWAK                       |

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **YB Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]**

**TARIKH** : **8 APRIL 2010**

**SOALAN** : **Datuk Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bilangan kakitangan/pegawai di semua jabatan-jabatan Persekutuan Sabah dan bilangan jawatan yang disandang oleh penduduk Sabah mengikut jawatan masing-masing dalam jabatan ini.**

**JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOOON)**

Untuk makluman, jumlah penjawat awam di 66 buah agensi persekutuan di Sabah ialah seramai 25,790 orang, tidak termasuk anggota pakaiian seragam. Di antaranya, seramai 24,053 orang adalah terdiri daripada penduduk tempatan Sabah, iaitu meliputi 93.26 peratus.

Pecahan mengikut gred jawatan adalah dirumuskan seperti berikut:

| Gred Jawatan                    | Asal Usul         |                 | Jumlah             |
|---------------------------------|-------------------|-----------------|--------------------|
|                                 | Sabah             | Negeri Lain     |                    |
| Pengurusan Tertinggi (Jusa C-A) | 10                | 22              | 32                 |
| Pengurusan Tertinggi (41-54)    | 1637              | 730             | 2367               |
| Sokongan I                      | 16776             | 1135            | 17911              |
| Sokongan II                     | 5630              | 57              | 5687               |
| Jumlah                          | 24053<br>(93.26%) | 1944<br>(6.74%) | 25790<br>(100.00%) |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**  
**( SEPANGGAR )**

**NO.SOALAN : 50**

**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN ( SEPANGGAR ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan jumlah (tan/liter/nilai) beras, gula, tepung, minyak masak yang digunakan oleh rakyat Malaysia di setiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian tidak menyimpan rekod penggunaan beras, gula, tepung dan minyak masak di setiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, anggaran jumlah penggunaan yang dinyatakan ini adalah untuk seluruh negara.

Penggunaan beras di seluruh Malaysia bagi tahun 2009 adalah sebanyak 1,104,655 tan matrik.

Pada tahun 2009, anggaran penggunaan gula bagi seluruh negara adalah sebanyak 1.2 juta tan matrik. Bagi tahun 2010 pula, anggaran penggunaan gula di seluruh negara adalah sebanyak 1.26 juta tan matrik.

Bagi minyak masak (bungkusan 5 kg ke bawah) pula, keperluan isi rumah tempatan adalah setanyak 45,000 tan sebulan dalam tahun 2006. Bagi tahun 2007, keperluan minyak masak bagi isi rumah tempatan adalah sebanyak 49,000 tan sebulan.

Bagi tepung gandum pula, sebanyak 319,396 tan matrik digunakan di seluruh Malaysia pada tahun 2009.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN**

**SOALAN : 52**

**Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta **Menyatakan jumlah kutipan cukai jalan dan jumlah nilai subsidi untuk bahan minyak kenderaan yang dibayar di setiap negeri.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kutipan bayaran cukai jalan bagi tahun 2009 adalah sebanyak RM1.856 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Subsidi bagi petrol dan diesel adalah berdasarkan kepada pengeluaran bahan tersebut di depoh-depoh minyak. Oleh yang demikian, jumlah subsidi diberikan adalah secara menyeluruh dan tidak mengikut negeri. Di bawah adalah Jadual jumlah subsidi bagi petrol dan diesel bagi tahun 2007-2009.

| Tahun   | Petrol (RM) | Diesel (RM) |
|---|-------------|-------------|
| <u>2007</u>   | 2,825       | 4,427       |
| <u>2008</u>   | 4,947       | 8,307       |
| <u>2009*</u><br>(Jumlah subsidi tahun 2009<br>merupakan anggaran) | 3,356       | 8,307       |

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

**SOALAN NO: 52**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN:      BUKAN LISAN**

**DARIPADA :      YB TUAN FONG KUI LUN  
[BUKIT BINTANG]**

**RUJUKAN :      17 [PR-1231-L35058]**

**SOALAN :**

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan berikut langkah DBKL menjualkan unit PPR kepada para penyewa, berapakah jumlah unit rumah yang dijual dan tidak boleh dijual berikutan **penyewa tidak mampu mematuhi syarat-syarat penjualan** dan **bagaimanakah kedudukan rayuan penyewa-penye**  
**perumahan awam** untuk membeli mana-mana unit/kawasan perumahan yang tidak diputuskan untuk dijual.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, daripada 29,562 unit PPR MTEN yang berada di bawah kejolaan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), hanya 21,611 unit sahaja yang layak ditawar untuk dijual kepada penghuni sedia ada.

Ini adalah kerana 2,056 unit lagi masih kosong tanpa berpenghuni, 4,740 unit masih belum diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan 1,155 unit lagi diduduki oleh setinggan transit yang tidak layak untuk menerima tawaran.

Daripada 21,611 orang penghuni sedia ada yang telah ditawarkan untuk membeli unit-unit PPR yang sedang diduduki, hanya 14,450 penghuni sahaja yang berminat untuk membeli. Jawatankuasa Pemilihan telah mengenalpasti sejumlah 10,159 penghuni yang menepati syarat-syarat dan layak ditawarkan manakala 4,013 penghuni lagi adalah layak bersyarat kerana mempunyai tunggakan sewa melebihi 3 bulan. Baki 278 pemohonan lagi sedang dalam proses mendapatkan kelulusan.

Dalam pada itu, belum ada sebarang keputusan berkaitan yang dibuat bagi penyewa-penyewa Perumahan Awam (PA) DBKL yang telah mengemukakan rayuan untuk membeli unit-unit PA yang tidak tersenarai untuk dijual. Namun demikian, bagi mereka yang berminat untuk membeli unit PA di kawasan lain yang tersenarai di dalam program penjualan, DBKL bersedia untuk menimbangkan permohonan tersebut, tertakluk kepada kekosongan.

**SOALAN NO. 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**SOALAN**

Y.B. Tuan Fong Kui Lun minta Perdana Menteri menyatakan tindak balas Kerajaan ke atas rayuan-rayuan rakyat untuk menyemak semula konsesi kutipan tol di lebuhraya-lebuhraya di Malaysia yang diberikan kepada syarikat-syarikat konsesi dan bagaimanakah perancangan Kerajaan untuk membeli balik konsesi-konsesi tersebut.

**JAWAPAN**

Kerajaan ketika ini tidak bercadang untuk membeli syarikat-syarikat konsesi lebuhraya bertol. Kerajaan ketika ini telah selesai melaksanakan kajian ke atas isu-isu penswastaan lebuhraya bertol termasuk mengkaji kadar dan kekerapan kenaikan tol serta langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi memastikan kadar tol tidak membebankan pengguna lebuhraya bertol dalam situasi ekonomi semasa. Kajian tersebut antaranya meneliti kaedah penyelesaian bagi menangani permasalahan kutipan tol dengan mengkaji model kewangan lebuhraya bertol, implikasi kewangan kepada Kerajaan, hak-hak syarikat konsesi yang termaktub dalam perjanjian konsesi yang telah ditandatangani, implikasinya terhadap sentimen pasaran dan pelaburan jangka panjang serta keyakinan pelabur tempatan dan antarabangsa terhadap dasar-dasar pembangunan dan pelaburan oleh Kerajaan. Dalam pada itu, Kerajaan turut mengambil kira pandangan dan masalah rakyat dengan menyediakan jalan raya yang baik dan bebas tol sebagai laluan alternatif kepada lebuhraya bertol. Pada masa yang sama, kadar tol yang dikenakan kepada pengguna lebuhraya dibuat berdasarkan prinsip *user pay* adalah berpatutan dan munasabah.

No. 34.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA**  
**PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS**

T5

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN (BUKIT BINTANG)**

**SOALAN [5] : Y.B. Tuan Fong Kui Lun minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:**

Warga asing yang mendapat perlindungan UNHCR di Malaysia dari segi jumlah bilangan orang, kewarganegaraan, lokasi dan kemudahan hidup yang disediakan untuk mereka dan apakah tindakan atas mereka yang terpaksa memasuki pasaran buruh Malaysia untuk mencari penghidupan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Birting di atas soalan yang dikemukakan.

2. Sehingga 1 Februari 2010, seramai 79,284 warga asing telah mendaftarkan diri dengan pihak UNHCR. Dari jumlah ini, seramai 73,267 orang adalah dari Myanmar. Berikut merupakan perangkaan jumlah warga asing yang mendapat perlindungan UNHCR mengikut kewarganegaraan:

| Warganegara         | Jumlah        |
|---------------------|---------------|
| Afghanistan         | 537           |
| Cambodia            | 47            |
| China               | 98            |
| Iran                | 92            |
| Iraq                | 552           |
| Myanmar             | 73,267        |
| Pakistan            | 87            |
| Palestin            | 203           |
| Somalia             | 823           |
| Sri Lanka           | 3,000         |
| Thailand            | 270           |
| Lain-Lain           | 308           |
| <b>JUMLAH BESAR</b> | <b>79,284</b> |

3. Malaysia tidak mempunyai kem-kem penempatan yang khusus untuk orang-orang yang mendapat perlindungan UNHCR. Kebanyakkan mereka yang terlibat menguruskan sendiri penginapan mereka di negeri-negeri seperti di Kedah, Kelantan, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Selangor dan Terengganu.
4. Kebanyakkan orang-orang yang berdaftar dengan UNHCR tinggal secara berkelompok di rumah-rumah kos rendah di kawasan pinggir bandar khususnya di kawasan berdekatan tempat mereka bekerja.
5. Kerajaan juga telah memberi kemudahan kesihatan dari segi potongan harga kepada mereka yang mendaftar serta memegang kad UNHCR yang ingin mendapatkan rawatan di hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan, mengikut kadar potongan yang sama dinikmati oleh pekerja-pekerja asing (*foreign workers*) yang lain di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 55**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN  
[BUKIT BINTANG]**

**RUJUKAN : 18 [PR-1231-L35065]**

**SOALAN :**

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan bantahan awam terhadap pusat-pusat hiburan yang beroperasi dengan bunyi bising keterlaluan dan menyebabkan kacau ganggu ke atas orang awam yang diterima oleh DBKL dan apakah usaha untuk membanteras kegiatan persundulan dan pelacuran disekitar bandaraya supaya terlihat bersih.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, sepanjang tahun 2009, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima **70 aduan** terhadap pusat-pusat hiburan yang didakwa menghasilkan bunyi bising melebihi piawaian Jabatan Alam Sekitar bagi kawasan perniagaan komersil iaitu **65dB(A)** pada waktu siang dan **55 dB(A)** pada waktu malam.

Sehingga Mac 2010 pula, **32 aduan** telah diterima oleh DBKL daripada orang ramai terhadap premis-premis hiburan yang mengeluarkan bunyi bising di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, antara syarat yang perlu dipatuhi untuk mengawal bunyi yang terhasil dari premis hiburan berlesen termasuklah syarat "**aktiviti berkenaan mesti diadakan di dalam premis yang tertutup atau berkonsep tertutup**".

Di samping itu, premis hiburan juga diwajibkan memasang **sistem kedap bunyi** bagi menghalang kadar bunyi melebihi had **55 dB(A)** daripada didengar dari luar premis.

Mengenai pelacuran atau persundalan pula, aktiviti ini dipercayai berlaku secara berselindung di sebalik aktiviti perniagaan premis urut.

Bagi mengawal aktiviti itu daripada berlaku di premis yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil Establismen Kecantikan dan Kesihatan (WPKL) 2003, DBKL telah melaksanakan program pemantauan ke atas premis-premis terbabit. Ini juga bertujuan untuk memastikan supaya pengusaha sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan mereka.

Antara syarat yang perlu mereka patuhi bagi membolehkan lesen diluluskan atau diperbaharui adalah:

- (i) pintu bilik rawatan mestilah mempunyi cermin telus pandang pada kadar 25% (jika bilik rawatan tidak menggunakan langsir) dan pintu cermin itu tidak boleh ditutup semasa rawatan dijalankan;
- (ii) pembaharuan lesen mestilah membabitkan penyiasatan dilakukan ke atas premis;
- (iii) hanya mereka yang mempunyai rekod kesihatan yang baik (disahkan oleh doktor bertauliah sahaja) dibenarkan diambil sebagai pekerja-pekerja; dan

(iv) wang cagaran antara RM5,000 hingga RM 10,000 mestilah dijelaskan.

Sepanjang 2009, sebanyak **12 premis telah dilucutkan hak ke atas wang cagaran yang berjumlah RM76,800** kerana didapati telah melanggar syarat lesen.

Sebuah premis telah dibatalkan lesenya manakala satu premis lagi diberikan amaran bertulis.

Dimaklumkan juga bahawa DBKL telah **membekukan** semua kelulusan untuk permohonan lesen baru bagi menjalankan aktiviti urut badan sejak Januari 2006 dan aktiviti urut kaki mulai 23 Julai 2009.

Bagi menangani aktiviti pelacuran yang berlaku di premis yang dilesenkan di bawah **Akta Hotel (WPKL) 2003** seperti yang dikesan di Jalan Petaling dan di Brickfields, tindakan **membatalkan lesen hotel** telah diambil sejak 2005.

Tindakan lain yang diambil termasuklah **menyita dan menutup** aktiviti hotel. Walau bagaimanapun, premis-premis berkenaan kemudiannya didapati telah menjalankan aktiviti pelacuran tanpa berselindung di sebalik apa-apa aktiviti perniagaan. Bagi mengelakkan aktiviti haram itu daripada

berterusan maka tindakan memecahkan sekatan atau dinding telah diambil di bawah Seksyen 79 Akta Jalan Parit dan Bangunan (1974) oleh Jabatan Bangunan DBKL. Sebanyak 7 siri tindakan di bawah Seksyen 79 akta itu telah dilakukan pada tahun 2008 terhadap premis yang melakukan aktiviti pelacuran.

**SOALAN NO: 56**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN  
[BUKIT BINTANG]**

**RUJUKAN : 19 [PR-1231-L35069]**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat meletak kereta dalam pusat bandar raya serta nyatakan tindakan ke atas isu tempat meletak kereta haram dan caj fi parkir yang terlalu tinggi dan membebankan warga kota.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, puncak utama Kuala Lumpur mengalami kesesakan lalu lintas iaitu kecenderungan orang ramai untuk menggunakan kenderaan persendirian untuk memasuki bandaraya ini, terutamanya pada waktu puncak. Ini berlaku kerana kelemahan sedia ada yang terdapat di dalam sistem pengangkutan awam di Malaysia. Kerajaan menyedari hakikat ini dan telah meletakkan penambahbaikan sistem pengangkutan awam sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Bagi pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, beberapa pendekatan telah dirancangkan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan di ibu kota. Antaranya, pembinaan laluan-laluan pejalan kaki (walkaways) di beberapa lokasi strategik di Kuala Lumpur bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam dan berjalan kaki.

Selain itu juga, DBKL akan mengguna pakai langkah-langkah berikut;

- (i) pemohon atau pemaju bagi setiap projek pembangunan berdensiti tinggi akan diwajibkan untuk mengemukakan laporan **Kajian Impak Trafik** mengenai kapasiti jalan-jalan yang sedia ada untuk menampung unjuran pertambahan trafik;
- (ii) mengenalpasti jalan atau persimpangan yang perlu dinaiktaraf; dan
- (iii) menyediakan lebih banyak hentian bas/teksi.

Sementara itu, dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di dalam pusat bandar raya, DBKL telah menetapkan kepada setiap pemaju yang berhasrat melaksanakan projek pembangunan untuk menyediakan sepenuhnya tempat letak kereta berdasarkan perkiraan perancangan.

Mengenai operasi tempat meletak kereta haram di atas tanah kerajaan pula, seramai **431** orang “budak jaga kereta” telah ditangkap dan didakwa di mahkamah pada tahun 2009.

Statistik sepanjang Januari hingga 5 April 2010 pula ialah seramai 228 orang "jaga kereta" telah ditangkap dan didakwa di mahkamah. Tindakan undang-undang yang diambil terhadap mereka adalah di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang, jika sahit kesalahan, membabitkan denda maksimum RM2,000 atau 6 bulan penjara.

Mengenai caj fi parkir yang dikatakan terlalu tinggi dan membebankan, sukacita dinyatakan bahawa caj bagi tempat letak kereta bermeter adalah berdasarkan kepada kadar yang telah ditetapkan dalam Jadual Perintah Lalulintas Jalan (Letak Kereta Bermeter) (Wilayah Persekutuan) 1984, iaitu 80 sen sejam bagi kawasan pusat bandar dan 50 sen sejam bagi kawasan di luar pusat bandar.

NO. AUM : ~~58~~ 57

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR HAJI IDRIS BIN HAJI HARON  
[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 2503**

**SOALAN :**

**Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah warga asing khususnya yang memasuki negara secara haram, tinggal lebih masa dan mereka yang melakukan jenayah, pelacuran dan hal-hal yang menyalahi undang-undang.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tenggah Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan dan keberadaan warganegara asing di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang negara, seperti Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Kerajaan sentiasa memantau dan memandang serius kehadiran begitu ramai warganegara asing ke negara ini dengan memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan ancaman-ancaman yang dibawa oleh warganegara asing ini kepada masyarakat Malaysia dari segi sosial, ekonomi dan budaya.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah yang ditimbulkan oleh warganegara asing adalah:-

- i) membentangkan isu pekerja asing dan PATI kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKK-PA/PATI) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi mendapatkan dasar-dasar umum menyelesaikan isu-isu pekerja asing dan PATI secara holistik;
- ii) mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu antara Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara berterusan untuk mengesan, menangkap,

mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963;

- iii) pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Polis Marin, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA); dan
- iv) memastikan bahawa pelawat-pelawat asing ke negara ini mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini.

Bagi memperkemas aspek rekod, pemantauan dan pengesanan terhadap warganegara asing, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan makmal (*management lab*) khas untuk mencari penyelesaian mengenai isu-isu ini. Langkah ini bertujuan mencari resolusi berkesan termasuklah dari aspek undang-undang, sistem, prosedur dan penguatkuasaan.